AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

فليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 6 | RABU 8 FEBRUARI, 1984. | رابو 6 جماديالاول 1404 | PERCUMA

## Susunan kedudukan di tempat-tempat beristiadat

SATU pengumuman mengenai susunan kedudukan di tempat-tempat beristiadat telah dibuat pada hari Khamis, 2 Februari melalui siaran radio dan televisyen Brunei.

Pengumuman tersebut telah dibacakan oleh Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof Ibni Al-Mahrum Pengiran Pemancha Pengiran Muda Haji Mohd Alam.

Kandungan pengumuman itu sepenuhnya adalah seperti berikut:-

"PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, His Majesty Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selaku Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung dengan sembah nasihat daripada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, sebagai sambungan daripada keterangan yang telah dibacakan pada Jumaat petang, 13 Januari, 1984 bahawasanya susunan kedudukan di tempat-tempat beristiadat adalah seperti:—

1) Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet.

2) Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin.

3) Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

4) Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Awang Mohd. Tamin bin Abdul Hamid.

5) Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

6) Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Dua daripada Pehin-Pehin Menteri (Kepala Menteri) iaitu:—

a) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Noor bin Pehin Orang Kaya Laksamana Awang Abdul Razak.

b) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha selaku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

dan kedudukan Penasihat Umum kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, His Majesty Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selaku Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim di bawah daripada Pehin-Pehin Menteri (Kepala Menteri).

2) Bersama ini adalah diingatkan kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat dan Yang Dimuliakan Menteri-Menteri Ugama, Yang Berhormat Pehin-Pehin Kepala Menteri dan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan bahawasanya segala persuratan yang disembahkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, His Majesty Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selaku Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tidak boleh salu-alai menghantar c.c salinan kepada Yang Berhormat Penasihat Umum kepada Baginda selaku Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim."

## Kebawah D.Y.M.M. berkenan terima Surat Watikah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini dalam satu istiadat yang berlangsung di Istana Darul Hana petang semalam.

Tuan Yang Terutama Awang Zainal Abidin bin Ibrahim menyembahkan Surat Watikah Perlantikan itu sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia sementara TYT Awang Edward Lee Kwong Foo pula sebagai Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura.

Terdahulu dari itu satu Perbarisan Tabik Hormat bagi TYT Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan TYT Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura telah diadakan di pekarangan Istana Darul Hana yang terdiri dari kira-kira 34 orang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei di bawah perintah ASP Muhammad bin Haji Zainal Abidin dan diserikan dengan permainan pancaragam Polis Diraja Brunei.

Kerajaan Malaysia mula menubuhkan Pejabat Agensinya di negara ini pada 31 Disember, 1981 dan dinaikkan tarafnya menjadi Suruhanjaya Tinggi Malaysia pada 1 Januari, 1984.

Manakala Republik Singapura pula menubuhkan Agensinya di sini pada 1 Julai, 1982 dan pada 1 September, 1982 dikenali sebagai Suruhanjaya Singapura di Brunei dan seterusnya dinaikkan taraf kepada Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura pada 1 Januari, 1984.

Kedua-dua Pesuruhjaya Tinggi tersebut merupakan diplomat asing yang pertama menyerahkan Surat Watikah Perlantikan mereka ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima Surat Watikah Perlantikan dari TYT Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Awang Zainal Abidin (atas) dan TYT Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Awang Edward Lee



### Tayangan filem Muzium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Perkhidmatan Pelajaran Muzium Brunei akan menayangkan sebuah filem dari siri A world Wildlife Fund Malaysia — FOREST FROM THE DAWN OF TIME pada 9, 11 dan 12 Februari, 1984 pada jam 10.00 pagi dan 2.30 petang.

## DPPW berangkat hadiri Istiadat Permakaman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berangkat ke Negeri Perak untuk menghadiri Istiadat Permakaman Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Idris Al-Mutawakkil Allahi Shah.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak telah mangkat pada hari Selasa 31 Februari dan telah selamat dimakamkan pada hari Jumaat 3 Februari.

Yang Teramat Mulia telah diiringi oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Bijaya Lt. Col. Dato Paduka Awang Haji Hussin bin Haji Ibrahim dan Awang Md Yusof bin Haji Abd Hamid, Setiausaha Sulit kepada Yang Teramat Mulia.

### MANISNYA IMAN

"HAK (kebenaran) itu dari Tuhanmu, sebab itu janganlah engkau menjadi sebahagian dari orang-orang yang ragu." — Makna ayat 60, Surah Ali 'Emran.

Pelita Brunei

8 FEBRUARI, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENGARUH UGAMA:

### Lebih dari setakat tradisi dan warisan

Di negara kita Ugama Islam menduduki tempatnya yang wajar lebih dari setakat sebutan dalam perlembagaan sebagai Ugama Rasmi.

Kedudukan tersebut hendaklah difahamkan sebagai menepati hakikat bahawa Islam telah bertapak dan berakar-umbi sepanjang sejarah negara kita. Dari suatu aspek yang khusus dapat dikatakan bahawa ugama Islam telah memberi corak kepada Brunei sehingga ia dikenal sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam atau Negara Melayu Islam Beraja. Dan corak tersebut menjadi semacam kemuliaan yang turun-temurun telah dipertahankan.

Selain daripada memberi corak kepada negara satu aspek yang lain lagi ialah ajaran Islam itu didapati berpengaruh dalam cara hidup bangsa kita pada keseluruhannya. Dengan perkembangan dan kemajuannya pada zaman kita ini di mana rakyat diberi didikan dan pengetahuan ugama maka pengaruh Islam itu bukan lagi pengaruh tradisi dan warisan, sebaliknya lebih dari itu ia merupakan penghayatan.

Oleh yang demikian adalah perlu sentiasa diingat bahawa ugama mendapat tarafnya yang wajar itu bukanlah semata-mata kerana kedudukannya dari segi tradisi dan warisan bahkan juga ialah kerana fungsi dan pengaruhnya yang memberi corak kepada negara dan mempengaruhi cara hidup bangsa pada keseluruhannya. Inilah satu hakikat yang menjadi sebahagian daripada ciri terpenting kedaulatan kita yang perlu sentiasa diambil kira dalam perkembangan-perkembangan seterusnya.

Dalam mengambil kira akan kedudukan ugama, kita hendaklah menaruh kepercayaan bahawa kita memilih jalan yang betul dalam semua aspek kehidupan di peringkat rasmi dan tidak rasmi. Ini ialah berdasarkan janji Allah s.w.t. yang mentakdirkan kita mempunyai pengaruh dan kuasa ke atas negara kita akan terjamin kuasa dan pengaruh itu, dan akan terjamin keselamatan serta kesejahteraan — selama mana kita teguh berugama dan melaksanakan khidmat bakti dalam hubungan amal salih.

Setakat ini bukanlah kita sudah menyaksikan betapa janji Allah itu tepat dengan mana kita ditakdirkannya mempunyai negara dan Kerajaan dan menikmati keamanan serta kesejahteraan!

# MENTERI PELAJARAN DAN KESIHATAN DIRAIKAN

GADONG. — Badan Sosial dan Ugama Jabatan Pelajaran telah mengadakan Majlis Meraikan Kedatangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pertukaran Pengarah Pelajaran dan Timbalannya, serta Sambutan Maulud Nabi s.a.w. bertempat di Dewan Pusat Tingkatan Enam pada hari Khamis lepas.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz selaku tetamu kehormat di majlis tersebut menyatakan terima kasih bagi pihak Kementerian dan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala ikhmad yang telah disumbangkan oleh bekas Timbalannya Awang Haji Suni bin Haji Idris semasa bertugas di Jabatan Pelajaran.



DI MAJLIS itu Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan juga telah menyampaikan cenderamata kepada beberapa orang pegawai Jabatan Pelajaran yang bersara. Kelihatan Yang Berhormat sedang menyampaikan cenderamata kepada Awang Haji Julaihi bin Sulaiman, Penyelia Sekolah-Sekolah Daerah Brunei-Muara yang merupakan salah seorang daripada pegawai yang bersara.

Seterusnya di majlis itu Menteri Pelajaran dan Kesihatan mengucapkan tahniah kepada Pemangku Pengarah Pelajaran yang baru dilantik, Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad dan Timbalan Pengarah yang baru, Awang Haji Abd. Saman bin Kahar, serta juga Timbalan Setiausaha Tetap yang dilantik dalam Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Dalam pada itu Yang Berhormat mengalu-alukan pertukaran Awang Adanan bin Buntar sebagai Pegawai Pentadbir dalam Kementerian tersebut dan merasa yakin yang tenaga-tenaga baru itu akan terus berkhidmat dengan gigih pada meninggikan taraf perkhidmatan serta pentadbiran di negara ini.

"Saya sedia menyedari tiap-tiap tugas yang diamanahkan itu sama ada di peringkat tinggi ataupun serendah-rendahnya bukanlah merupakan satu cabaran yang ringan terutama sekali mereka yang bertugas di tempat-tempat yang terpencil jauh dari kemudahan-kemudahan yang lazim terdapat di bandar-bandar," tegas Y.B.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menaruh harapan kepada mereka bahawa mereka juga tidak kurang dengan apa yang terdapat di kawasan-kawasan lain.

Dalam usaha pengurusan jelas Yang Berhormat kita akan melalui beberapa proses, yang mana Kementerian ini mempunyai tanggungjawab besar dalam mendisiplinkan fikiran dan pendirian untuk memahami sesuatu yang jelas dan yang kurang jelas, supaya dikenali sebagai negara yang bertamaddun tinggi serta digalati.

Terdahulu dari itu majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta ucapan alu-aluan yang telah disampaikan oleh Pengerusi Majlis, dan Pemangku Pengarah Pelajaran yang baru, Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad. Manakala Persembahan Dikir Marhaban serta Persembahan Nasyid dari Jabatan Pelajaran turut menyerikan suasana majlis tersebut.

# Bakal Duta Besar Thailand dan Korea tiba

BERAKAS. — Dua orang Bakal Duta Besar dari negara Asia telah tiba, untuk memulakan tugas-tugas mereka di negara ini.

Tuan Yang Terutama Awang Pong Bua Iam, Bakal Duta Besar Thailand ke negara ini telah tiba bersama isterinya pada malam Rabu lepas dan dialu-alukan oleh Pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta Pegawai-pegawai dari Perwakilan Pejabat Kedutaan Diraja Thai.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Awang Choi Bae Shik pula adalah Bakal Duta Besar Korea Selatan, tiba bersama isterinya pada hari Rabu lepas. Ketibaan beliau telah dialu-alukan oleh seorang Pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Pegawai-pegawai dari Pejabat Kedutaan Korea Selatan.



KELIHATAN Bakal Duta Besar Thailand ke negara ini, Tuan Yang Terutama Awang Pong Bua Iam dialu-alukan oleh salah seorang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.



BAKAL Duta Besar Korea Selatan ke negara ini, Tuan Yang Terutama Awang Choi Bae Shik sedang dialu-alukan oleh salah seorang pegawai dari Pejabat Kedutaan Korea Selatan.

# KERAJAAN AMBIL BERAT PEMBENTUKAN ROHANI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sangat mengambil berat kehendak-kehendak pembentukan rohani di kalangan rakyat dan penduduk negara ini yang berasaskan ajaran-ajaran Islam dalam merancang dan melaksanakan pembangunan negara.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain yang menegaskan demikian dalam ucapan alu-aluan di Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Kampong Mentiri Jumaat lepas juga menjelaskan pembangunan negara mestilah diisi dengan pembangunan dan kekuatan rohani di kalangan rakyat dan penduduknya.

Ini katanya ialah kerana masyarakat Brunei yang makmur, kukuh dan bersatu padu akan dapat dibentuk dan dipertahankan dengan jayanya jika rakyat dan penduduk itu mempunyai nilai-nilai rohani yang tinggi lagi terpuji disertai dengan iman yang kukuh kepada Allah.

Menurutnya lagi, bagi mencapai matlamat di atas, rakyat dan penduduk Islam diasuh dan digalakkan mendekatkan diri kepada Allah khasnya melalui masjid iaitu tempat yang paling sesuai dan tenang serta aman bagi umat Islam mententeramkan jiwa dan perasaan dan melalui masjidlah juga umat Islam dapat mencari kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Yang Berhormat itu mengharapkan Masjid Kampong Mentiri itu akan terus diramaikan oleh umat Islam bagi menyemarakkan syiar Islam di mukim tersebut dan semoga anak-anak Islam di kawasan itu akan terasuh dan terdidik pada mendekatkan diri kepada Allah.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Jawatankuasa Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Kampong Mentiri, Awang Abd. Ghani bin Abu Bakar dalam ucapannya antara lain memaparkan sejarah ringkas perkembangan balai ibadat di kampong tersebut sebelum terdiri masjid yang ada sekarang.

Masjid yang baru dirasmikan ini, jelas beliau, didirikan oleh kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama dan telah mula dibina dalam bulan September 1982 serta siap pada bulan Ogos tahun lepas dengan menelan belanja sebanyak $340,174.00.

Majlis perasmian hari itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat al-Quran oleh Pengiran Haji Md. Jaafar bin Pengiran Damit.

Sebuah cenderamata penghargaan telah disembahkan oleh Ketua Kampong Mentiri, Awang Dewa bin Rabaha kepada Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof yang telah menyempurnakan pembukaan masjid tersebut.



KELIHATAN Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin di Majlis perasmian tersebut.

## Pemasangan batu-bata

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara menawarkan kursus Pemasangan batu-bata No 15, 16 dan 17.

Kursus tersebut adalah sepenuh masa dan dijalankan selama setahun.

Pemohon-pemohon untuk mengikuti kursus tersebut tamat Tingkatan Tiga.

Borang-borang permohonan bolehlah didapati dari Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara atau Bahagian Pelajaran Teknikal, Jabatan Pelajaran.

Borang-borang yang telah disisikan hendaklah dihantar tidak lewat dari hari Rabu 29 Februari, 1984.

## Panduan Teleks

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Telekom telah mengeluarkan panduan Teleks Negara Brunei Darussalam keluaran Januari 1984 mulai 4 Februari yang lalu.

Pelanggan-pelanggan teleks bolehlah mendapatkan panduan tersebut dari pusat-pusat telekom.

Bagi pelanggan-pelanggan dari Daerah Brunei-Muara, mereka bolehlah mendapatkannya di Pejabat Telekom Bahagian Perdagangan Bangunan Lama Bandar Seri Begawan.

Sementara bagi pelanggan-pelanggan di Daerah Belait panduan teleks itu boleh didapati dari Pejabat Telekom Kuala Belait.

## PEROLEHI M. Ed



AWANG Antin Ahad

BARU-BARU ini seorang pegawai di Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan Awang Antin bin Ahad telah berjaya memperolehi ijazah M. Ed (Educational Studies) dari Hull University, England.

Beliau melanjutkan pengajian bagi mendapatkan ijazah tersebut atas dermasiswa Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam tahun 1982.

Awang Antin yang berasal dari Kampong Tanjong Nangka menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Sengkurong.

Setelah menamatkan pelajaran di Maktab Anthony Abell, Seria beliau kemudiannya menceburkan diri ke bidang pendidikan.

Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Penyelia Sekolah-Sekolah Inggeris Tutong dan menjadi Pemangku Pengetua Sekolah-Sekolah Persediaan Daerah Bunei dan Muara.

Mulai tahun 1974, Awang Antin diperbantukan di Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pelajaran.

Seterusnya atas dermasiswa Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam bulan September 1975 beliau meneruskan pelajaran ke United Kingdom dan berjaya memperolehi Bachelor of Education.

Awang Antin yang kini berusia 36 tahun, sekarang bertugas di Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sebagai Pegawai Peperiksaan Kanan.

# RBA RAIKAN PENUMPANG YANG KESEJUTA

BERAKAS. — Penerbangan yang pertama ke Jakarta bagi Awang Haji Mohd. Hussin bin Haji Mohammad seorang peniaga tempatan telah membawa tuah pada dirinya apabila diisytiharkan oleh RBA sebagai penumpang yang kesejuta menaiki pesawat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei sejak syarikat itu memulakan penerbangannya pada tahun 1975.

Awang Haji Mohd. Hussin, 45 tahun, merupakan penumpang tetap RBA telah menerima hadiah tiket kapal terbang pergi balik kelas pertama ke mana-mana destinasi RBA yang telah disumbangkan oleh syarikat itu bernilai lebih $5,000 ringgit. Ini adalah sumbangan RBA kali kedua di mana tiket bertuah yang pertama telah dihadiahkan kepada penumpang yang ke-500,000.

Majlis penyampaian tiket-tiket tersebut telah berlangsung di kauntar pemeriksaan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas di sini yang telah disempurnakan oleh Pengarah Urusan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Awang David Lowe dengan disaksikan oleh Pengurus Perdagangan RBA Awang Peter North pada 31 Januari lepas.

Sebelum menceburkan diri dalam bidang perniagaan pada tahun 1981, beliau adalah bekas seorang anggota tentera ABDB berpangkat Mejar yang telah memulakan kerjayanya dalam tahun 1963.

Beliau berhenti sebagai anggota tentera pada tahun 1975 lalu berkhidmat dengan Shell Brunei selama lebih kurang enam tahun. Setakat ini RBA mempunyai sembilan destinasi dan yang terakhir ialah Jakarta yang bermula pada awal tahun ini.




AWANG Haji Hussin kelihatan sedang menerima tiket yang beliau menangi yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Awang David Lowe.

## Kajian penyakit untut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa orang kakitangan kaji serangga dari Bahagian Kesihatan, Jabatan Perubatan, akan mengadakan lawatan ke dua buah kampung di Daerah Tutong bagi membuat kajian berhubung dengan penyakit untut.

Kampung-kampung tersebut ialah, Kg. Pad Nunok mulai 13 Februari hingga 15 Februari dan Kg. Kiudang pada 20 Februari hingga 22 Februari. Mereka akan melawat dari rumah ke rumah mulai jam 7.00 malam untuk mengambil contoh-contoh darah daripada penduduk-penduduk kampung berkenaan. Adalah diharapkan supaya mereka akan berada di rumah masing-masing pada tarikh tersebut.

Mungkin banyak orang yang tidak mengetahui punca pembawa penyakit tersebut dan mengapakah ianya banyak terdapat di kawasan luar bandar Daerah Tutong. Seorang yang mengidap penyakit untut disebabkan oleh gigitan nyamuk yang diberi nama 'mansonia' dan jenisnya ialah 'brugiamalay'. Manakala bakteria ataupun jenis kuman yang dibawanya ialah 'microfilria'.

Setakat ini Bahagian Kesihatan, Jabatan Perubatan, belum dapat mengetahui jumlah mereka yang dihinggapi penyakit ini dan mereka masih lagi menjalankan kajian di beberapa buah kampung berkenaan.

Sementara itu tanda-tanda seorang yang mengidap penyakit ini hanya akan dapat dikesan dengan mengambil contoh-contoh darah mereka.

Penyakit untut banyak terdapat di kawasan luar bandar Daerah Tutong disebabkan oleh keadaan hutan-hutan di sana begitu tebal dengan pohon-pohon kayu yang besar. Nyamuk-nyamuk yang membawa penyakit ini selalunya hidup dan membiak di bawah akar pohon-pohon kayu besar tersebut. Jenis penyakit ini hanya akan dapat dikesan di waktu malam kerana kuman penyakit itu hanya akan menyerang mangsanya di waktu itu.

Bagi menghindarkan penyakit untut ialah dengan membunuh nyamuk-nyamuk yang membawa penyakit tersebut. Selain dari itu, keadaan kawasan di sekeliling hendaklah dibersihkan, hutan-hutan tebal disiangi dan benda-benda yang boleh menakung air untuk nyamuk-nyamuk membiak perlulah dibuang ataupun ditimbus dengan tanah.

# Awas! Quran Cetakan Israel

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di negara ini diingatkan supaya berhati-hati dan meneliti apabila membeli atau mendapatkan naskhah Al-Quran agar tidak terbeli cetakan Israel.

Dato Haji Ishak bin Adam, Pegawai Pelajaran Ugama Kanan Bahagian Pengawalan Penerbitan mengingatkan demikian ketika mengulas berhubung dengan tersiarnya satu berita dalam salah sebuah akhbar luar negeri yang menyebutkan bahawa Israel telah mencetak setengah juta naskhah Al-Quran dengan meninggalkan ayat-ayat yang menyebut kisah berkaitan dengan Israel termasuk mengenai kedegilan dan keangkuhan kaum tersebut. Tetapi laporan itu tidak menyatakan bentuk Al-Quran yang 'diubah' cetak itu.

Menurut laporan tersebut yang memetik sumber dari Rabitah Al-Alam Al-Islami sebanyak 50,000 naskhah Quran itu telah dikirimkan ke Turki, 50,000 ke Pakistan dan 50,000 lagi ke Malaysia.

Walaupun laporan itu tidak menyebut Negara Brunei, Dato Haji Ishak berkata umat Islam di negara ini perlu juga waspada dan mengambil perhatian. Menurut beliau lagi sejauh ini pihaknya belum dapat mengesan dan aduan pun belum ada dibuat berhubung dengan kejadian tersebut.

Walau bagaimanapun Dato Haji Ishak meminta kerjasama orang ramai jika mendapati Al-Quran seperti yang dilaporkan itu atau lain-lain kitab dan buku-buku mengenai ugama Islam yang mengelirukan hendaklah laporkan kepada pihak yang berkenaan di Jabatan Hal Ehwal Ugama.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 8.2.1984 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 8.2.1984 | Rabu | 10.45–11.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 8.2.1984 | Rabu | 11.30–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Melayu Sungai Liang dan Sekolah Melayu Lumut | 9.2.1984 | Khamis | 10.00–11.00 | pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 9.2.1984 | Khamis | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Melayu A. Haji Mohd. Yussof Katimahar | 11.2.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 11.2.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 11.2 1984 | Sabtu | 11.00–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 11.2 1984 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 11.2 1984 | Sabtu | 2,45– 3.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 11.2.1984 | Sabtu | 4.00– 5.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh Sungai Hancing | 13.2.1984 | Isnin | 8.45– 9.45 | pagi |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Muara | 13.2.1984 | Isnin | 1.45– 2.45 | petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 14.2 1984 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Melayu Anggerik Desa | 14.2.1984 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampung Kiulap | 14.2 1984 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata | 14.2 1984 | Selasa | 3.30– 4.00 | ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 14.2.1984 | Selasa | 4.30– 5.30 | ,, |

# Peraduan mengumpul setem

JABATAN Perkhidmatan Pos Brunei akan mengadakan Peraduan Mengumpul Setem Bagi Pameran Pos '84 (POSPA '84) pada 16 haribulan Julai depan.

Ianya bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun; dan Menyambut Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Peraduan itu terbahagi kepada dua kumpulan yang terdiri dari murid-murid dan penuntut-penuntut semua jenis sekolah dan maktab-maktab; dan orang ramai yang terdiri dari warganegara dan penduduk-penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Kumpulan murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah dan maktab-maktab dibahagikan kepada dua bahagian.

Bahagian A : Darjah 1 hingga Darjah VI; Primary 1 hingga Primary VI; Prep 1 hingga Prep III.

Bahagian B : Tingkatan I hingga Tingkatan VI; Form 1 hingga Form VI termasuk maktab-maktab perguruan, sekolah teknikal dan 'vocational'.

Keterangan lanjut dan borang penyertaan serta peraturan dan syarat-syarat peraduan boleh didapati dari kaunter-kaunter Pejabat-Pejabat Pos; sekolah-sekolah dan maktab-maktab di keempat-empat daerah.

Ia hendaklah dikembalikan kepada Ketua Pejabat Pos yang berdekatan atau kepada bahagian Filatelik, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam mulai 7 Jun hingga 14 Jun 1984 antara jam 8 pagi hingga 12 tengah hari dan 2 petang hingga 4 petang.

## MAKLUMAN

**ADALAH dimaklumkan kepada belia-belia yang ingin menyertai Persidangan Belia Islam Rantau Asia Tenggara dan Pasifik yang akan diadakan pada 18 Mac depan di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, tarikh tutup menghantar borang penyertaan persidangan tersebut dilanjutkan lagi sehingga 22 Februari depan.**

**Borang-borang tersebut hendaklah dikembalikan kepada Urusetia Persidangan, Tingkat 2 Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan.**

# Pemuda Ceylon Memeluk Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang pemuda Ceylon 20 tahun, Melvin Jayasuriya Nissanka telah memeluk ugama Islam dalam satu majlis pengislaman yang berlangsung di rumah Pengiran Haji Damit bin Pengiran Jambol, No. 18, Kampong Delima Satu, Berakas baru-baru ini.

Beliau kini dikenali sebagai Muhamad Hidayatullah bin Abdullah setelah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awg. Mohammad bin Pehin Jawatan Luar Awg. Haji Abdullah, Pembantu Perkembangan Ugama, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hadir dalam majlis tersebut Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama, Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awg. Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg. Haji Ismail dan beberapa orang Pegawai Dakwah dan Tabligh. Majlis pada malam itu diserikan lagi dengan upacara dikir marhaban.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



# HINDARI MENYERANAH ANAK-ANAK

## Siri ke-212

MENYUMPAH, melaknat dan mengutuk seseorang yang tertentu sekalipun dia orang kafir, adalah haram dan dosa besar, wajib jauhkan seperti katanya: "Kamu dilaknat atau dikutuk Allah, pulan dikutuk atau dilaknat Allah."

Melaknat orang dengan sifat dan kelakuan orang itu dengan tiada menyebutkan nama mereka adalah boleh dan harus (bukan wajib dan bukan sayugia dan bukan sunat), seperti dilaknat orang-orang yang bersifat kafir, dilaknat orang yang bersifat zalim dan aniaya, dilaknat orang yang bersifat dusta dan bohong dengan tiada menyebutkan batang tubuh mereka. Dan lain-lain lagi tersebut dalam Quran dan dalam Hadis.

Doa ibu bapa kepada anak-anak atau ke atas anak adalah mustajab, lekas diterima oleh Allah s.w.t. oleh itu jangan disebutkan anak-anak yang nakal atau cergas itu dengan perkataan-perkataan yang jahat, kerana tersebut dalam Hadis: "Ada tiga doa yang sangat diterima oleh Allah Taala iaitu doa orang yang kena zalim atau kena aniaya ke atas orang yang menzalimkan dia, doa orang yang belayar dan doa ibu atau bapa ke atas kanak-kanak." Kanak-kanak yang nakal atau yang cergas sentiasa bergerak menunjukkan kanak-kanak itu cerdik dan pandai dari itu ibu bapa hendaklah melayani anak-anak itu dengan penuh sabar dan cukup minat dan kasih sayang, kerana anak-anak itu ialah datang dari usaha ibu bapa dan ibu bapa tentu berharap hasil dari usaha mereka akan jadi baik dan bagus pada hari yang akan datang dan masa-masa di hadapan. Kebahagiaan anak-anak terletak di tangan ibu bapa dan kecelakaan di tangan ibu bapa.

Allah Taala memerintah ibu bapa supaya menjaga anak-anak dari masuk dalam neraka dengan memberi nasihat, tunjuk ajar pelajaran ugama, adab ugama, diasuh beribadat dan sembahyang dan berpakaian cara Islam yang menutup aurat dari masa kecil anak-anak itu lagi.

Firman Allah Taala di dalam Surah At-Tahrim ayat 6 yang ditafsirkannya: "Hai mereka yang beriman ambil perlindungan bagi diri kamu dan ahli-ahli kamu, isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu dari api neraka dan berbuat taat kepada Allah dan beramal dengan hukum-hukum Allah."

Diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dengan Isnad yang Sahih daripada sahabat-sahabat Jubir r.a. telah berkata: "Telah bersabda Rasulullah s.a.w. yang ertinya: Jangan kamu doakan (menyeranah) ke atas diri kamu, jangan kamu menyeranah ke atas anak-anak kamu, jangan kamu menyeranah ke atas pelayan-pelayan (pembantu-pembantu) kamu, jangan kamu menyeranah ke atas harta-harta kamu, jangan kamu berjumpa (kebetulan) suatu saat yang diterima doa kamu dan seranah kamu itu maka Allah akan menerimanya daripada kamu, yakni ada saat-saat dan waktu yang sangat diluluskan permintaan dan doa seseorang itu, dari itu takutilah kamu akan saat yang baik jadi tempat terima doa jahat dan seranah kamu itu." Hadis seperti ini ada tersebut dalam sahih Al-Imam Muslim.

Tersebut dalam kitab-kitab hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah dan Al-Imam Ibnu Sunny daripada sahabat Huzaifah r.a. telah berkata: "Saya mengadu kepada Rasulullah s.a.w. akan kejahatan mulut saya (zarabu lisani), sabda Rasulullah s.a.w. yang ertinya: "Di mana kamu dari mengucap istighfar, yakni jangan jauh (lalai) dari istighfar, bahawa demi saya (Rasulullah) mohon ampun daripada Allah Azza Wajalla tiap-tiap hari 100 kali."

Asy-Syeikh Abdul Kadir Al-Jailani telah menyuruh pengikut-pengikutnya mengucap astaghfirullah 200 kali tiap-tiap selesai sembahyang fardu yang lima.

### CARA HINDARI KEBIASAAN MENYERANAH

Maka menurut hadis di atas bahawa ibu yang celupar mulut (bercakap ikut sesuka hati sahaja) itu sunat baginya mengucap selalu tiap-tiap masa (astaghfirullah), supaya hilang celupar mulut dan kebiasaan menyeranah itu dari mulutnya.

Menurut Hadis dalam kitab-kita Sunnanul Al-Imam Abu Daud dan Al-Imam Ibnu Majah daripada sahabat Abbas r.a. telah berkata telah bersabda Rasulullah s.a.w. yang ertinya: "Barangsiapa selalu banyak mengucap istighfar, astaghfirullah, nescaya Allah Taala lepaskan dia daripada segala kesusahan, dari segala masalah dan dari segala perkara berbangkit yang menyusahkan, serta Allah Taala lepaskan dia dari segala sifat sedih dan bimbang, dan Allah Taala murahkan rezekinya dan diberi rezeki daripada pihak yang ia tiada sangka-sangkakan."

Ini dia faedah mengucapkan astaghfirullah. Sayugia diamalkan dan dibuat oleh ibu bapa yang celupar dan orang-orang yang bermulut celupar itu.

WALLAHUAKLAM

# FITNAH MEMBAKAR MANGSANYA

## Menuju keredaan Allah

RATA-RATA para candekia, para ulama dan orang-orang yang waras pemikirannya telah sepakat mengatakan bahawa perpecahan dan permusuhan itu tidak akan mendapat apa-apa keuntungan bagi pihak dirinya mahupun pihak lain. Sebab itu memfitnah, menghasut sesama manusia adalah dosa yang amat besar di sisi Allah s.w.t. — Hadis Rasulullah ada menyebutkan yang maksudnya: *"Fitnah itu seolah-olah ia tidur, maka dilaknat Allah orang-orang yang membangunkannya dari tidurnya."*

Fitnah — memfitnah bukan sahaja menghancurkan seseorang dengan sahabatnya atau membinasakan satu puak dengan puak lain — bahkan boleh menghancurkan masyarakat dan negara itu sendiri — dan yang amat mengerikan ialah pembawa fitnah itu akan dibakar hancur oleh api neraka — Na'uzubillah Min Zaliq.

Membangunkan fitnah dari tidurnya adalah suatu perkara yang mudah dilakukan pada bila-bila masa, dengan perkataan, dengan perbuatan, dengan membuat surat-surat layang dan seumpamanya — sebab itulah apabila ia mudah dilakukan maka dengan mudah pula ia membakar dan merebak kepada mangsa-mangsanya.

Memandang dari akibat-akibat itulah Allah s.w.t. layak menghukum dan membalasnya dengan melaknat mereka yang menabur fitnah. Walau bagaimanapun ajaran Allah boleh dibuat senjata bagi menolak segala kejahatan itu sama ada kejahatan yang dilakukan dengan fitnah atau apa-apa jua caranya. Berfirman Allah dalam surah Fusilat ayat 34 kira-kira tafsirnya: *"Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan, tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang ada permusuhan antaramu dengan dia akan menjadi sahabat yang baik dan karib."*

Ajaran ini patutlah diikuti baik secara prinsip mahupun secara hakikatnya oleh segenap lapisan masyarakat Islam — dari sekecil-kecil masyarakat sehingga kepada sebesar-besarnya seperti hubungan diplomatik antara negara dengan negara di dunia ini.

Masyarakat yang sekecil-kecilnya ialah di dalam rumahtangga dan keluarga, dalam pejabat dengan pegawainya, dalam kampung dengan anak buahnya, dalam negara dengan rakyatnya — semua lapisan masyarakat manusia itu mungkin ada pergeseran sama sendiri atau disebabkan fitnah dari orang ketiga.

Kaedah Islam menghadapi semua itu adalah seperti jalan-jalan yang ditunjukkan Allah dalam ajaran Al-Quran iaitu tolaklah segala kejahatan yang datang mendatar atau membujur itu dengan usaha-usaha yang rendah hati yang jujur dan bertimbang rasa — bukan dengan ikhsab — (sentimen), dendam kesumat, angkuh, bongkak, takabbur dan belot.

Mudah-mudahan kehidupan perpaduan masyarakat Islam untuk menuju keredaan Allah akan tercapai pada matlamat yang dituju dalam mana-mana bidang jua — dengan kebijaksanaan akal yang waras membalas dan menolak segala kejahatan dengan kebaikan, lemah lembut dan ihsan itu kelak lawan atau musuh yang terang akan menjadi kawan dan sahabat yang karib membela kita pula.




### Ada orang Islam melakukan secara berterang-terangan:

# MAKSIAT SEMAKIN BERLELUASA

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Amat jelas hari ini, bahawa ada orang-orang Islam di dunia ini yang membelakangi larangan-larangan ugama. Mereka menganggap ringan dosa-dosa besar, seperti ia bukan dosa bagi mereka. Kita telah mendapati bermacam-macam rupa maksiat yang besar-besar dibuat orang dengan berterang-terangan atau bersembunyi-sembunyi tetapi kemudiannya terbongkar menjadi percakapan atau tontonan orang ramai. Sebagai misal, perbuatan khalwat dan zina asalnya dilakukan dengan bersembunyi-sembunyi, tetapi setelah didapati dan menjadi kes dalam mahkamah, maka ia pun terbukalah, seperti pekung pecah layaknya.

**LELAKI DAYUS**

Inilah yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Maksiat yang berterang-terangan semakin berleluasa seperti orang-orang Islam membuka aurat, berpakaian tidak sopan, kaum lelaki dayus yakni tidak cemburu dengan membiarkan ahlinya, isterinya dan anak-anaknya membuka aurat di khalayak ramai atau ada setengahnya yang reda bahkan menyuruh pula ahlinya, isterinya dan anak-anaknya berbuat demikian itu dengan alasan mengikut aliran zaman dan seumpamanya. Ugama Islam mengingatkan supaya semua yang berkenaan terutama kepala bagi satu keluarga itu hendaklah menyelamatkan ahli-ahlinya, keluarganya daripada api neraka. Sebagaimana Firman Allah dalam Surah Tahrim ayat 6 yang tafsirnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka."*

Erti memelihara dan menyelamatkan ahli, menyelamatkan keluarga dari api neraka di sini ialah meluruskan perjalanannya, kalinga ugamanya, jangan dia dibiarkan melanggar hukum-hukum Allah. Pastikan ibadatnya, kelakuannya, cara hidupnya. Jika ada yang sumbang pada ugama, bercanggah dan berlawanan dengan hukum-hukum Allah, maka sekali-kali jangan didiamkan, jangan dibiarkan, usahakan dan tegur biar ia lekas-lekas kembali semula ke pangkal jalan. Kembali kepada ugamanya, kembali kepada yang diredai oleh Tuhannya (Allah Azza Wajalla). Inilah cara yang dikehendaki kita membuatnya, cara bagaimana menyelamatkan keluarga daripada api neraka.

**IKUT SUKA HATI**

Sudah terjadi dalam zaman kita ini, ada sebilangan ibu bapa Islam tidak mengambil berat lagi perkara ugama anak-anaknya. Buktinya mereka tidak mengawal makan minum anak-anak itu. Ikut suka hati mereka makan, ikut suka hati mereka minum, halal atau haram tidak pernah diambil tahu. Demikian juga mereka tidak lagi cuba-cuba mengawal pakaian mereka. Ikut suka hati mereka hendak pakai, pakai tutup aurat atau tidak tutup, awak punya pasal. begitu pula pergaulan mereka, dengan siapa bergaul, cara bergaul, ke mana mereka pergi, ke kelab mana, ke parti mana, ke disko mana, semua itu pandai-pandai awak semualah, wahai anak-anak. Kamu lebih tahu dan pandai menjaga diri kamu masing-masing.

Begitu setengah sikap ibu bapa zaman sekarang. Mereka konon-konon orang moden tidak boleh sekat-sekat. Orang moden mesti pandai dedahkan aurat, orang moden mesti tahu bergaul bebas, orang moden mesti pandai menari, orang moden mesti selalu-selalu atau sekali-sekali tenguk dan menonton tarian-tarian, orang moden mesti pandai minum, orang moden mesti pandai tenguk gambar-gambar lucah dan sebagainya.

**JADI LANUN**

Dan akhirnya orang moden macam inilah yang banyak jadi lanun darat. Kaki maksiat. Kalau tidak dirinya sendiri tetapi anak-anaknya. Orang moden macam inilah yang banyak jadi pencuri, orang moden macam inilah yang banyak jadi pengacau masyarakat, sebagai penjudi, peminum, perosak anak bini orang, pemakan riba, penghisap dan pengedar dadah, orang moden macam inilah yang banyak naik ke tangga-tangga mahkamah, orang-orang moden macam inilah yang mempunyai banyak mangsa di dalam masyarakat. Pendeknya orang moden macam inilah yang rajin dan selalu buat masalah di dalam masyarakat.

Untuk jelasnya, cuba-cubalah kita rajin sedikit memerhati hal ini dari kelakuan dan gelagat mereka yang berkenaan di dalam masyarakat dan juga dari cerita-cerita akhbar yang boleh dikatakan membuat berita-berita dan krisis sosial itu pada setiap hari yang dilakukan oleh semua peringkat, termasuklah belia-belia dan anak-anak sekolah yang tidak lain adalah kerana tertipu oleh konsep dan amalan moden yang bertentangan dengan ajaran ugama Allah.

Oleh itu, wahai kaum Muslimin, marilah kita sebagai orang Islam sentiasa berhati-hati dan ingat bahawa sekali kita terjerat oleh konsep dan amalan moden yang keliru ini, maka ruginya mungkin sepanjang hayat kita.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8 Februari, 1984 hingga ke hari Selasa 14 Februari, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 8–10 | 12.40 | 3.59 | 4.00 | 6.36 | 6.37 | 7.47 | 7.48 | 5.20 | 5.07 | 5.21 | 6.35 | 6.36 |
| 11–14 | 12.40 | 4.00 | 4.01 | 6.37 | 6.38 | 7.48 | 7.49 | 5.19 | 5.06 | 5.20 | 6.34 | 6.35 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## LAGI MENDAPAT IJAZAH KEPUJIAN

DAYANG Hajah Shamsiah binte Abdul Latif, yang kini bertugas di Jabatan Penerangan, Bahagian Unit Akhbar, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, baru-baru ini telah mendapat Ijazah B.A. (Hons) Sosial Science, dari Humberside College of Higher Education, Hull England atas biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



Hajah Shamsiah bte Abd. Latif, Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebelum ini, beliau juga pernah menerima biasiswa Kerajaan, untuk melanjutkan pelajaran di Institut Teknologi Mara, Kuala Lumpur.

Beliau ialah salah seorang wanita yang bergerak cergas dalam pertubuhan sukarela iaitu Setiausaha Agung WI (Pertubuhan Perkumpulan Perempuan) Negara Brunei Darussalam; di mana beliau pernah mengetuai rombongan WI Brunei mengadakan lawatan muhibah ke WI Sarawak, Sabah, Singapura dan Thailand; di samping kegiatan-kegiatan WI dalam negeri.

Beliau juga pernah mewakili WI Negara Brunei di persidangan antarabangsa Persatuan Pertubuhan Wanita Desa Sedunia di Nairobi Kenya, Afrika dan mengetuai rombongan WI Brunei di persidangan pertubuhan tersebut bagi Rantau Asia di Kuala Lumpur.

# RTB minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# SUARA, ISI DAN TEKNIK

PENERBIT, Juruhebah, Pengulas atau sesiapa sahaja yang sehubung dengannya adalah merupakan akar umbi dalam salunadi radio.

Tidak ada mereka, kita akan terasa kesunyian di alam buana ini. Biar apa puh orang lain kata, suka atau tidaknya pendengar akan suara mereka, maka organ-organ seperti ini tetap bersuara, tetap mengisikan ruangan untuk didengar.

Pokoknya menyediakan asam garam untuk dihidangkan tetap dikakas jua. Tidak kira ke hulu, ke hilir penerbit-penerbit, juru-juruhebah atau sesiapa sahaja dalam dunia penyiar ini tetap mencari ramuan-ramuan yang akan disajikan itu.

Begitulah putaran dunia penyiar untuk pendengar. Nah sekarang terserah kepada pendengar untuk menikmatinya. Sama ada suka atau tidak pendengar-pendengar pada suara-suara yang mengalun itu atau sebaliknya. Sebab selera pendengar berbeza-beza antara satu dengan yang lainnya.

Ada pendengar yang suka pada suara serak-serak basah, ada pula pendengar yang suka pada suara semacam cengkerik malam, ada pula pendengar yang betul-betul minat akan suara ala penyanyi pop bila menyampaikan sesuatu rancangan, ada pula pendengar yang suka pada suara yang mendayu-dayu dan macam-macam ragamnya lagi.

Hai tak hairanlah ada pula pendengar yang suka suara tinggi-rendah dan pelbagai lagi untuk melayani selera pendengar ini. Tapi bagi penyampai radio, memang tidaklah dapat memestikan atau melayani ke semua kehendak selera pendengar itu sendiri. Pokoknya sama ada suara-suara seperti yang diabadikan itu disukai atau tidak, maka alam penyiar tetap bersuara dalam bentuk dan iramanya yang tersendiri.

Jadi apa yang dikehendaki dalam dunia seumpama ini, dalam melayani selera pendengar ini, cuma satu, ya cuma satu iaitu pihak radio amat mengalu-alukan komen pendengar itu sendiri. Bak kalimat orang sekarang, proteslah secara jujur dan berikan jalannya. Come on!

Ya, kita tidak mahu lagi bercakap di celah-celah dinding atau di celah-celah batu yang tebal, sebab zaman sekarang, tembuk sudahpun kita pecahkan. Inikan pula santapan haluan telinga kita sendiri. Bersuaralah!

Bercakaplah! Nada yang bagaimana mahu dikehendaki, isi yang bagaimana mahu dipenuhi dan teknik yang bagaimana paling disukai.

Berkata benarlah, komenlah! Awda pendengar!



## Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar bersama awda lagi minggu ini dengan pesertanya Dyg. Aswiza binti Haji Mohammad di alamat Jalan Kecil, Kg. Sungai Tampoi, Sengkurong, Negara Brunei Darussalam.

Ikutilah siarannya pada hari Selasa 14 Februari jam 4.00 petang.

## Majidi dalam Alam Remaja



MENERUSI rancangan Alam Remaja awda khususnya para remaja sekalian akan dapat mengikuti bualan mesra Salmah Haji Abdul Rahman dengan pemain jessi No: 10 skuad Kebangsaan iaitu Awang Majidi Abd. Ghani.

Jangan lupa untuk mengikuti rancangan ini yang akan ke udara pada hari Isnin 17 Februari jam 3.30 petang dan ulangannya ke udara pada hari Jumaat jam 9.00 malam.



DALAM rancangan boxing "SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES" (Jumaat) ulasan selarinya adalah dikendalikan oleh Sugar Ray Leonard sendiri (kiri) dan dibantu oleh juruhebah Verne Lundquist.

## DENDANG REMAJA

ROSLANY bin Haji Adnan, Suzana bte Hj. Ali dan Suhaimi Mohd. Noor akan menghiasi rancangan keluaran keenam minggu ini. Jemputlah mengikutinya pada hari Jumaat 10 Februari jam 5.00 petang dan ulangannya ke udara hari Ahad jam 11.00 pagi.



Roslany Hj Adnan



Suzana Hj Ali



Suhaimi Mohd Noor

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 8 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
5.00 SPIDERWOMAN: "Shuttle To Disaster" (Episod terakhir)
5.30 DIFFERENT STROKES
6.00 BERITA AWAL
6.05 321 CONTACT
6.20 TEKA TEPAT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE: "To Stop A Steele"
Laura dan Remington mendapati tugas-tugas mereka bertentangan ketika masing-masing diupah oleh dua orang yang ingin memiliki sebiji batu permata yang berharga dengan tujuan-tujuan yang agak bertentangan juga.
7.48 AZAN ISYAK
7.53 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 APANYA KITANI No. 1
Siri baru rancangan memperkenalkan perkataan-perkataan Melayu Brunei.
10.05 ROAD TO WEMBLEY
11.05 TAYANGAN GAMBAR: "Beau Geste"
Salah satu kisah tugas French Foreign Legion di padang Pasir Sahara. Pelakon-pelakon: Guy Stockwell, Doug McClure, Leslie Nielson, Telly Savallas, dan lain-lain.
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 9 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 TAKE HART: "Metal"
6.00 BERITA AWAL
6.05 SISTEM EJAAN BARU NO. 6 (Ulangan).
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 WORLD OF SURVIVAL: "The Tallest Story"
Seperti yang sedia dimaklumi, dengan leher begitu tinggi, zirafah (giraffe) yang mempunyai "watchtower vision" telah diketahui boleh melihat sejauh tiga batu. Musuh ketatnya ialah singa. Namun begitu tendangan zirafah sangatlah merbahaya dan pernah terjadi sehingga memutuskan kepala singa dari badannya.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A-TEAM
Plot ceritanya mempaparkan tindakan sepasukan askar veteran Vietnam yang menerima upahan untuk menyelamatkan seorang wartawan yang ditangkap oleh penganas-penganas di sebuah kampung pedalaman Mexico.
7.48 AZAN ISYAK
7.53 THE A-TEAM — Sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 MAGNUM: "I DO" (Episod Terakhir)
Magnum diupah oleh Presiden sebuah perniagaan keluarga untuk membongkar kecurangan seorang anak kemanakannya yang dipercayai selalu mencuri dari syarikat mereka.
10.25 PAUL HOGAN (Komidi)
11.05 CHICAGO STORY: "Not Quite Paradise" Bhg. 2
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 10 FEBRUARI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

PETANG

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS "Wrong Way Kid"
3.00 ROAD RUNNER
3.30 IN SEARCH OF: "In Search Of The Monster Hunters"
4.00 AZAN ASAR
4.03 THUNDERBIRDS
4.25 YOU ASKED FOR IT
4.55 OMNI, THE NEW FRONTIERS
5.10 KONONNYA: "Si Cupak Dan Si Gantang"
5.40 CAPTAIN AMERICA (Animasi)
6.00 BERITA AWAL
6.05 ON SAFARI
6.30 TEKA TEPAT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE YOUNG LAWYERS: "Conrad And The Taxi Squad"
Aaron Silverman ingin menjalin persahabatan dengan Conrad Pierce, seorang pemuda belasan tahun yang sanggup berbohong dan mencuri demi untuk merujuk kedua ibu bapanya yang telah bercerai. Satu malam Conrad telah lari dari rumah ibunya untuk mencari ayahnya. Apabila Aaron menemuinya di lebuh raya, Conrad cuba untuk mencuri kereta Aaron. (Episod Terakhir)
7.48 AZAN ISYAK
7.53 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA: "Amanah" (Bahagian 3)
9.35 DALLAS: "Long Goodbye"
10.35 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
11.15 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 11 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 THUNDARR THE BARBARIAN: "Trial By Terror" (Episod Terakhir)
6.05 EDGE OF THE COLD: "Man The Killer, Man The Keeper"
6.25 PRIVATE BENJAMIN: "Fielding's Crisis"
Setelah Col. (orang besi) Fielding dipermainkan oleh seorang penjahat dan tiada dapat berbuat sesuatu, dia berpendapat tidak sesuai lagi untuk memimpin dan seterusnya bercadang untuk bersara.
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 PRIVATE BENJAMIN — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER: "The Witness"
Hooker dan Romano memujuk seorang wanita dalam satu kes pembunuhan tetapi pihak polis tidak dapat memberi perlindungan kepadanya apabila wanita itu menjadi sasaran pembunuh.
7.49 AZAN ISYAK
7.54 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 WANITA TANAHAIR
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Darah Daging"
11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Lucky Me"
Komidi musikal. Betapa tidak beruntung (lucky) nasib seorang wanita muda yang bercita-cita untuk menjadi seorang penghibur pentas mendapati dirinya terkandas dengan sekumpulan "Showfolk" di Florida. Pelakon-pelakon: Doris Day, Robert Cummings, Phil Silvers, Eddie Foy, Jr. dll.
12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 12 FEBRUARI

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA.
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 FANGFACE
2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
4.01 AZAN ASAR
4.04 BIG LEAGUE SOCCER—Sambungan
4.05 SMURF
4.30 DOC.: AROUND THE WORLD WITH BRIAN ADAMS
5.00 APANYA KITANI NO.1 (Ulangan)
5.45 SPIDERMAN AND HIS AMAZING FRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.25 ALICE: "The Odd Couple"
Apabila Alice dan Flo menjadi "roommates" untuk sementara waktu dengan secara tidak langsung mereka telah menggugat kenyataan "opposites attract"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 ALICE — Sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "Bail Out"
A.J. dan Rick menyusupi penduduk-penduduk kaya di Santa Lee kerana hendak menyiasat sebab kematian keatas seorang eksekutif piring hitam.
7.49 AZAN ISYAK
7.54 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA
9.35 FORUM
10.35 TEACHERS ONLY
11.05 DRAMA: "The Nearly Man"
11.50 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 13 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TALES OF MAGIC
4.55 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS: "Doomsday"
5.30 NEPTUNE JOURNALS: "Break Away" Bhg. 2
6.00 BERITA AWAL
6.15 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D.: "Prime Time"
Gonzo tidak begitu gembira apabila bertemu dengan teman lelaki ibunya yang bersaingan umur dengannya. Gonzo bertambah malu bahawa lelaki yang mengidap kencing manis itu ingin memperisterikan ibunya.
7.49 AZAN ISYAK
7.53 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 BINTANG KECIL — SEPARUH AKHIR
10.05 THE WINDS OF WAR Bhg. 18 (Episod Terakhir)
10.55 RETURN TO EDEN (Episod Terakhir)
11.45 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 14 FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 POSTMAN PAT: "Pat Takes A Message" (Episod Terakhir)
4.45 CANTINFLAS
5.10 BUGS BUNNY SHOW
5.35 ABU SERIES: "Volcanoes And Saps — Wellington"
6.00 BERITA AWAL
6.05 AGRICULTURE (Episod Terakhir)
6.20 CAMP WILDERNESS
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 CAMP WILDERNESS — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "Colt's Breakout" Bhg. 2
7.49 AZAN ISYAK
7.54 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SISTEM EJAAN BARU
9.05 ARENA SUKAN
10.05 DYNASTY "The Hearing" Bhg. 2
11.05 TAYANGAN GAMBAR: "Desperate Women"
Kisah tiga banduan wanita cantik-cantik belaka diselamatkan oleh seorang pembunuh upahan dari gerabak penjara yang didapatinya terlantar. Kemudian mereka dihamun oleh sekumpulan pengganas-penggganas. Pelakon-pelakon: Dan Haggerty, Susan St. James, Dave Blakeley, Ann Dusenberry, dan lain-lain.
12.35 SIARAN TAMAT.

# RANCANGAN TVP—dari 13 hingga 15 Februari 1984

## ISNIN — 13 FEBRUARI

PAGI

8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Daun)
Dalam rancangan ini murid-murid akan belajar mengenai tugas-tugas daun terhadap tumbuhan.
Daun mempunyai berbagai-bagai bentuk dan saiz. Tiap-tiap helai daun terdiri dari berbagai-bagai bahagian. Sungguh pun begitu tugas daun adalah sama iaitu untuk memproses makanan.
Ikutilah rancangan ini untuk mengetahui huraiannya yang lanjut.
9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Kitchen)
Dalam rancangan ini perkakas dapur diajar kepada murid-murid. Beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'e' juga diajarkan. Sebuah cerita diselitkan dalam rancangan ini.
10.35 SAINS UNTUK DARJAH 5 (Reptilia)
Buaya dan biawak adalah binatang-binatang reptilia. Ular adalah binatang reptilia yang tidak mempunyai kaki. Bagaimanakah ular boleh bergerak dari satu tempat ke tempat lain? Pernahkah kamu melihat ular bertelur dan juga melahirkan anaknya hidup?

## SELASA — 14 FEBRUARI

PAGI

8.50 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet 2)
Rancangan ini adalah bahagian kedua dari siri rancangan (Magnet 1). Dalam rancangan ini murid-murid akan belajar mengenai:
a) Sifat Magnet.
b) Benda-benda magnetik dan benda-benda bahan magnetik.
c) Faedah magnet.
Benarkah magnet sentiasa menarik benda-benda? Saksikanlah rancangan ini untuk mendapatkan jawapannya
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK ((My Kitchen)
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Daun)

## RABU — 15 FEBRUARI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Reptilia)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (My Kitchen)
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet 2)



DR. P DURAYAPPAH, Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan.

# LEBIH 3,000 SERTAI MINGGU KESIHATAN

## Tema: "Jaga... Brunei Dar... me...

*Oleh: Muhaimin Haji Mohammad*
*Gambar: Haji Sharbini Taha*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai lebih 3,000 orang dijangka akan menyertai pelancaran Kempen Minggu Kesihatan Kebangsaan yang akan disempurnakan oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz pada hari Jumaat, 10 Februari, jam 8.30 pagi bertempat di hadapan Bangunan Goodwood, Jalan Gadong.

Kempen Minggu Kesihatan Kebangsaan tahun ini bertemakan 'Jagalah kebersihan Negara Brunei Darussalam — Jangan mengotor' akan diadakan selama seminggu di seluruh negara yang akan berakhir pada 18 Februari bulan ini. Manakala pelancaran Kempen Minggu Kesihatan Kebangsaan di Daerah Tutong, Belait dan Temburong akan bermula pada 12 Februari yang mana pegawai-pegawai daerah berkenaan akan merasmikan dan mengetuai kempen tersebut di daerah masing-masing.

Sementara itu, ketua-ketua kampung di seluruh negara semasa kempen tersebut akan mengepalai anak-anak buahnya membersihkan kawasan kampung masing-masing. Di Daerah Brunei dan Muara beberapa buah jabatan-jabatan kerajaan, dewan perniagaan, pertubuhan awam, persatuan belia dan kelab akan menyertai kempen pembersihan itu nanti di beberapa kawasan tertentu mulai 12 Februari.

Di antaranya Jabatan Pelajaran, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Pejabat Daerah, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bandaran, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dewan Perniagaan Tiong Hwa, Pertubuhan W.I., Bistari, Persatuan Pemborong-Pemborong, Pandu Puteri, Kelab Lion dan Kelab Rotary Brunei.

Berhubung dengan kempen tersebut Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan, Dr. Durayappah ketika ditemubual baru-baru ini berkata, sebaik-baik sahaja selesai pelancaran Kempen Minggu Kesihatan Kebangsaan pada 10 Februari itu nanti para sukarelawan akan bergerak ke beberapa tempat seperti kawasan Kg Menglait, pusat beli-belah Gadong, kawasan Masjid Omar Ali Saifuddin bagi melakukan pembersihan sampah-sarap.

Sementara itu murid-murid sekolah akan bergerak di sepanjang tepi-tepi jalan utama di kawasan Bandar Seri Begawan untuk mengutip sampah. Beliau mengingatkan para pemandu kenderaan supaya akan dapat memperlahankan kenderaan mereka dan berhati-hati ketika memandu pada hari tersebut.

Di antara tujuan kempen ini diadakan ialah bagi menyedarkan orang ramai tentang betapa pentingnya kebersihan di sekeliling kehidupan kita dan untuk menanamkan sikap yang bertanggungjawab kepada setiap individu untuk menjaga kebersihan negara ini.

Menurutnya, kempen ini lebih ditumpukan di kawasan Daerah Brunei dan Muara memandangkan negara ini akan menyambut hari kebangsaannya tidak berapa lama lagi di mana ramai para pembesar negara luar negeri akan dijemput untuk menghadiri upacara itu nanti.

Ketika ditanya kenapakah kempen ini tidak banyak melibatkan kawasan luar bandar dan pedalaman, beliau menjelaskan masalah sampah-sarap di kawasan berkenaan tidaklah begitu serius kerana di kampung setiap sebuah rumah mempunyai kawasan halaman rumah masing-masing yang membolehkan mereka sama ada membakar sampah ataupun menimbusnya dengan tanah.

Lainlah halnya dengan mereka yang tinggal di rumah-rumah pangsa, barik dan rumah-rumah kerajaan hanya tertumpu pada suatu tempat pembuangan yang dikhaskan sambil menunggu untuk dipunggah oleh trak-trak pengangkut sampah Jabatan Bandaran. Kadangkala sampah-sampah itu melimpah dari tempat pembuangannya disebabkan oleh sampah-sampah yang bertimbun ataupun kecuaian orang yang membuangnya menyebabkan keadaan sekeliling menjadi kotor dan berbau busuk.

Jika kita perhatikan kebanyakan sampah-sarap berserak dan bertimbun di kawasan perumahan buruh-buruh kontrak membina bangunan seperti di Jalan Gadong dan ini adalah disebabkan mereka ini terdiri dari orang-orang luar yang bukan menetap di sini, oleh sebab itu mereka tidak ada perasaan untuk menjaga kebersihan negara ini.

Bagaimanapun kerajaan akan membuat beberapa langkah bagi mengadakan satu sistem pembuangan sampah yang teratur di seluruh negara, di mana baru-baru ini kerajaan telah mengundang seorang pakar dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi membuat penyelidikan tentang pembuangan sampah-sarap dan kemudahan-kemudahan yang perlu diadakan untuk kemudahan membuang sampah. Hasil penyelidikan serta usul beliau itu telah pun dihadapkan kepada pihak kerajaan, jelas Dr. Durayappah.

Salah satu langkah Bahagian Kesihatan untuk menanamkan semangat cintakan kebersihan di kalangan masyarakat katanya, ialah dengan memperkenalkan pelajaran kesihatan di beberapa buah sekolah dan maktab perguruan sejak dua tahun lepas. Kerana mereka percaya sikap cintakan kebersihan akan lebih berkesan ditanamkan ketika kanak-kanak itu mula memasuki alam persekolahan.

Kempen Minggu Kesihatan telah diadakan sejak tahun 1978, tetapi sebelum itu ianya hanya diadakan dalam sehari ataupun dua hari sahaja. Walaupun respon orang ramai berhubung dengan kempen ini agak lambat, ujarnya, tetapi kita dapat melihat tentang perubahan sikap pen-



BEBERAPA buah kereta-kereta buruk dan tong-tong kosong menyebabkan pemandangan sekeliling tidak begitu menarik.




ORANG ramai seolah-olah se...
pada bukan tempat pembuang...

# ...ELANCARAN ...EBANGSAAN

## ...ersihan Negara ...lam—Jangan ...tor''

...begitu ketara
...na-sama men-
... dan keber-
...

... negara ini
...nyai kemuda-
...an tempat
...pah dan trak-
...kut sampah
... perkara ini
...rjasama dari
...rta kesedaran
...idu mengenai

kebersihan; maka perkara itu akan terbengkalai dan tidak akan dapat dilaksanakan dengan teratur.

Di satu masa nanti kami berharap sikap cintakan kebersihan akan keadaan sekeliling negara ini akan menjadi kebiasaan rakyat dan penduduk di sini; ataupun salah satu cara hidup orang-orang Brunei di satu masa nanti, jelas Dr. Durayappah.



BEGINILAH keadaan sampah-sarap yang berselerak di kawasan tambing ketika air tuhur mengakibatkan bau busuk dan suasana pemandangan yang kurang menyenangkan.





...ahami dengan membuang sampah sesuka-hati





KEBANYAKAN timbunan-timbunan sampah terdapat berselerak di kawasan perumahan buruh-buruh pembinaan (kiri). Sementara sisa-sisa makanan, bekas-bekas kotak dan tin-tin kosong dibiarkan bertimbun yang boleh menyebabkan pembiakan sebarang penyakit.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Siaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita-berita dalam dan luar negeri) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU 8 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Dari Sekolah-sekolah (SU) 4.00—Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Mustika Nilam Bahari siri ke-2), 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.15 — Hiburan, 9.30 — Citrawara.

### HARI KHAMIS 9 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Citra Dalam Syair, 2.30 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yasin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

### HARI JUMAAT 10 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Majalah Radio, 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00—Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00—Tetamu Dalam Radio (SU), 2.30—Rencana Khas Kemerdekaan, 3.15—Diang Dangan (SU), 3.30—Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 Hiburan Malam, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

### HARI SABTU 11 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Pertandingan Bintang Kecil Radio Brunei-Muara — Siri 3.

PETANG: 2.30 — Citrawara (SU), 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan, 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

### HARI AHAD 12 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Majalah Radio, 9.30 — Taman Mekar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Drama Muzika, 11.00 — Dendang Remaja (SU), 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Station.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Rencana Khas Kemerdekaan (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

### HARI ISNIN 13 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana, 11.30 — Untuk Awda.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Citra Dalam Syair (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampaian Joget, 4.15 — Ruangan Kitani, 4.30 — Rampaian Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Hiburan Malam (SU), 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Kutujukan Lagu

### HARI SELASA 14 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Suara Parajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.30 — Untuk Awda.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 —Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Kitani (SU), 7.15 — Hiburan Malam, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Drama Muzika (SU), 9.00 — Bahas Dari Sekolah-Sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Talking About Music |
| 8.30 | Hello Tamorrow |
| 9.00 | Popular Classics |
| 9.30 | Classic Half Hour — 1/12. |

#### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme. |
| 8.15 | World Theatre: "As You Like It" by William Shakespeare. |
| 9.30 | Ella Fitzgerald In Concert. |

#### Fridays/Holidays

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Brunei Traditional Music (repeat) |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 566/604. |
| 11.30 | Children's half hour. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | 18th Cambridge Folk Festival — 6/8. |
| 12.45 | My Music — 287/436. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: Clinging to the Wreckage — 7/10. |
| 1.30 | Break For Music with Malay Traditional Music — 6/13. |
| 1.45 | Sixty-Minute Theatre: Uncle Venables by E. H. Handry. |
| 2.45 | Just For Variety. |
| 8.00 | The World of Books. |
| 8.30 | Up the Belait River Without A Paddle — with guest this week: Brigadier Tony Crowfort. |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date with . . . (repeat) |

#### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 2.00 | Just For Variety. |
| 3.00 | Gurkhali Programmes. |
| 8.00 | Hits In Germany. |
| 8.30 | Animal, Vegetable and mineral — 5/30. |
| 9.00 | Strictly Instrumental. |
| 9.30 | Top of The Pops — 1001. |

#### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Brunei Darussalam Programme "History" — 7. |
| 11.30 | Practical World. |
| 11.45 | London This Week. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | A Date with ...... |
| 12.45 | Review of the Week. |
| 1.00 | Top of The Pops — 1001. (repeat). |
| 1.30 | Weekend Greetings. |
| 2.30 | Brunei Traditional Music. |
| 2.45 | An Educational Feature on Language "You Said It" Part 2. |
| 3.30 | Just For Variety. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Brunei Darussalam (repeat) |
| 8.30 | Beautiful Music — 59/60. |
| 8.45 | BBC Science Magazine. |
| 9.30 | Frank Muir Goes Into: "Anger" — 58. |

#### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: "The Levanhtal's Blues" by Derrick Buttress. |
| 8.45 | Neil Richardson Presents — 3/12. |
| 9.30 | A Play On Word — 33. |

#### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You. |
| 9.00 | In Sentimental Mood. |
| 9.30 | Stereo Pop Special: "The Psychedelic Furs — side 1. |

#### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle. |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan. |
| 6.32 | Quran and It's translation. |
| 6.45 | Berita Perdana, Patriotic-Song and Brunei in history. |
| 7.30 | Local News, tide times. |
| 7.35 | Brunei's AM (continued). |
| 11.00 | Ladies At Eleven — except Friday and Sunday. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break — except Friday and Sunday. |
| 12.30 | News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Penyelenggara Stor Tingkat III

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENYELENGGARA STOR TINGKAT III di Jabatan Telekom, Brunei.

**Tanggaji :** E.1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.

b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetap mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyelenggaraan stor boleh juga dipertimbangkan.

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja di Jabatan Telekom, di Negara Brunei Darussalam ini.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan. surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 29 Februari, 1984.

(E/178 75)

(Bilangan iklan : 6/1984).

## Sebagai Tukang Kebun

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG KEBUN di Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** F.1-2-3 EB. 4 — $350-$520 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun.

b) Pemohon-pemohon yang lebih dari 45 tahun yang sedang berkhidmat sebagai Tukang Kebun di Jabatan-Jabatan Kerajaan bergaji hari akan juga dipertimbangkan.

c) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang berkhidmat dengan Jabatan Telekom.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 29 Februari, 1984.

(E/72/80)

(Bilangan iklan : 11/1984).

## Sebagai Pemandu Tingkat Khas

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untuk dilantik sebagai PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** E. 2 EB. 3 — $470-$605 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c, Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Am :

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Catatan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 10 Mac, 1984.

(E/105/78)

(Bilangan iklan : 17/1984).

## TENDER NOTICE – RADIO TELEVISION BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, sehingga hari Isnin, 27 Februari jam 12.00 tengah hari.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh tutup yang dinyatakan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menaruh tanda-tanda atau nama syarikat pembekal di sampul surat tersebut kecuali Bilangan Nombor rujukan (Ref. No.) tawaran sahaja ditulis dengan jelas.
4. Semua tawaran hendaklah menyatakan tarikh-tarikh terakhir pengiriman barng-barang dan jika gagal memenuhi syarat ini maka Pengarah Radio Televisyen Brunei adalah berhak bagi memberhentikan pembeliannya lebih-lebih lagi ianya akan menjejaskan perjalanan operesen RTB.
5. Barang-barang yang tidak dihantar terus kepada Radio Televisyen Brunei dari syarikat Pengeluar/Pembekal luar negeri hendaklah memasukkan cukai import 20 peratus.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terikat bagi menerima harga tawaran yang paling rendah atau dari sebarang tawaran.

### TENDER No. RTB/01/1984

**AGFA Professional ¼" Audio Recording Tape**

FOR technical reasons RTB has standardised on the specified types of tape for use in Radio, Filming and Television.

The estimated requirement for 1984 is : —

**AGFA PEM 468**

1. Qty 500 — 2400ft. on NAB 10.5in. Metal Spool
2. Qty 2000 — 1200ft. on 7in. Clear Plastic Spool
3. Qty 500 — 600ft. on 5in. Clear Plastic Spool

**AGFA PEM 369**

4. Qty 600 — 900ft. on 5in. Clear Plastic Spool
5. Qty 200 — 1800ft. on 7in. Clear Plastic Spool

All reels are to be individually packed in individual strong, hinged cardboard boxes.

Prices must be quoted C.I.F. unit cost per reel, based on a minimum of 1000 reels per consignment.

### TENDER No. RTB/02/1984

**1in. Professional Audio Mastering Tape — 100 Reels**

Each reel shall contain 2500ft. of high output, low noise tape for multitrack audio recording. Reels shall be 10.5 inch NAB Metal type and each is to be contained in an individual, strong, hinged storage box.

FOR CONSIDERATICN TENDERERS MUST SUBMIT FULL SPECIFICATIONS OF THE TAPE OFFERED TOGETHER WITH ONE FULL SAMPLE REEL FOR EVALUATION PURPOSES.

Sample reels should not accompany the tender quotation but should be forwarded directly to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, and should be marked "One Inch Audio Mastering Tape — Sample For Tender Evaluation."

Samples should be forwarded freight prepaid and will be returned to the unsuccessful tenderers if required provided that return freight is paid by the tenderer either on a prepaid or collect basis.

### TENDER No. RTB/03/1984

**16mm Sprocketed Magnetic Audio Recording Tape**

Estimated requirement for 1984 — 1800 Rolls.

Each reel shall contain 1200ft. of high output, low noise tape on a 3" plastic cine core SMPTE 'B' wind.

FOR CONSIDERATION TENDERERS MUST SUBMIT FULL SPECIFICATIONS OF THE TAPE OFFERED TOGETHER WITH ONE FULL SAMPLE REEL FOR EVALUATION PURPOSES.

Sample reels should not accompany the tender quotation but should be forwarded directly to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, and should be marked "16mm Sprocketed Audio Recording Tape — Sample For Tender Evaluation."

Samples should be forwarded freight prepaid and will be returned to the unsuccessful tenderers if required provided that return freight is paid by the tenderer either on a prepaid or collect basis.

### TENDER No. RTB/04/1984

**KODAK Colour Film Stock (16mm 'B' Wind)**

A) SPEED— ASA 125 (STOCK 7240)

1. VNF 455 — CAT. 162 6282 100' Mute — 50 rolls
2. VNF 457 — CAT. 162 7264 400' Mute — 660 rolls
3. VNF 597 — CAT. 162 7942 400' Stripe — 450 rolls
4. VNF 598 — CAT. 162 7967 1200' Stripe — 20 rolls

B) SPEED — ASA 400 (STOCK 7250)

5. VNX 457 — CAT. 121 8882 400' Mute — 450 rolls
6. VNX 597 — CAT. 121 8056 400' Stripe — 660 rolls

Prices must be quoted C.I.F. unit cost per roll, based on a minimum of 500 rolls per consignment.

### TENDER No. RTB/05/1984

**Lamps for Television Studio and O.B. Lighting**

| Item | Make | Type | Spec | Rating | Col. Temp | Qty |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1) | Thorn | CP40 | Quartz | 1000W | 3200 | 30 |
| 2) | Thorn | CP41 | Quartz | 2000W | 3200 | 25 |
| 3) | Thorn | CP29 | Quartz | 5000W | 3200 | 50 |
| 4) | Thorn | CP32 | Quartz | 2500W x 2 | 3200 | 100 |
| 5) | Thorn | CP43 | | 2000W | 3200 | 4 |
| 6) | Thorn | CP54 | Quartz | 10KW | 3200 | 6 |
| 7) | Thorn | P2/12 | Clear | 1250W | 3200 | 600 |
| 8) | Thorn | P2/27 | Clear | 2000W | 3200 | 12 |
| 9) | Thorn | P2/10 | Frost | 625W | 3200 | 120 |
| 10) | Thorn | CSI (99-1422) | | 1000W | 5600 | 66 |
| 11) | Thorn | CSI (99-0221) | | 1000W | 5600 | 6 |
| 12) | G.E. | FCX/120v | MFL | 650W | 3200 | 290 |
| 13) | G.E. | FAY | SP | 650W | 5000 | 290 |
| 14) | WOTAN | HMI (1201540304) | | 4000W | 5600 | 16 |
| 15) | WOTAN | HMI (1201130604) | | 2500W | 5500 | 19 |

### TENDER No. RTB/06/1984

**Television Camera Tubes**

| Item | Type number | Estimated Qty 1984 |
|---|---|---|
| PHILIPS | | |
| 1) | XQ1410 R | 4 |
| 2) | XQ1410 G | 4 |
| 3) | XQ1410 B | 4 |
| 4) | XQ1427 R | 3 |
| 5) | XQ1427 G | 3 |
| 6) | XQ1427 B | 3 |
| 7) | XQ2427 R | 4 |
| 8) | XQ2427 G | 4 |
| 9) | XQ2427 B | 4 |
| 10) | XQ3427 R | 1 |
| 11) | XQ3427 G | 1 |
| 12) | XQ3427 B | 1 |
| **E.E.V.** | | |
| 13) | P 8136 R | 1 |
| 14) | P 8136 G | 1 |
| 15) | P 8136 B | 1 |

Prices to quoted unit C.I.F. by airfreight based on a minimum consignment of 1 set of three tubes.

## TAWARAN-TAWARAN YANG BERJAYA

1 Membina Gerai Makan, Tutong—Delta B) Pte Ltd—$364,191.10 — 16 bulan.

2 Kerja-kerja tambahan JKR di rumah kediaman SUK — Weei Ta Engineering — $15,250 — 4 minggu.

3 Kerja-kerja tanah tempat penetasan telur di Stesen Mentiri — Fung Fock Choon — $18,900.

4 Membekal perabot ke SU Kilanas — Sinma General Contractor — $26,000 — 2 bulan.

5 Tawaran Jabatan Kastam bagi membekal kenderaan — Boustead Marketing & Management Services — $20,520.

6 Membekal pakaian seragam, Jabatan Ukur — Syarikat Kasmajun — $7,508.60.

7 Pemasangan elektrik, stesen kecil 66KV — Lee Jong Elec Co — $12,565.

8 Kerja penyiasatan tanah di kawasan perpindahan Seria — Soil Investigation (B) Pte Ltd — $453,150 — 6 bulan.

9 Pemasangan elektrik, Bangar Hospital — LK-Nes (B) Pte Ltd — $958,585.

10 Bangunan stor terbuka di Pelabuhan Muara — Dato Hamidoon Cont & Anak-Anak — $355,215.10 — 9 bulan.

11 Membina stor dsb., Bengkel Tukang Kayu, KB—Syarikat Alimah Abdullah — $48,041.75 — 2 bulan.

12 Membina sebuah sekolah dsb, Berakas Kem — Haji Laidin Matserudin & Anak-Anak — $3,577,774 — 18 bulan.

13 Membekal papan tanda dll, Pusat Pertukangan — 4 Seasons' Advertisement Co — $114,110 — 3 bulan.

---

1 Membuang najis, Daerah Belait — Hj Ramli bin Jamaludin — $4,750 sebulan.

2 Membina bilik kuliah dsb di Jabatan Kesihatan — Sabani Ent — $66,670 — 3 bulan.

3 Kontrak No. 19 — Newton Chambers — $1,788,939 — 30 bulan.

4 Membekal lambang ABDB, Penanjong—Kik Ent — $9,000 — 6 minggu.

5 Kerja ukur di Pengkalan Sibabau — Soilcrete Pte Ltd — $451,400 — 9 bulan.

6 Membina sadaian perahu untuk Pasukan Bomba Tutong —Syarikat Haji Salleh Awg. Damit—$64,000—2½ bulan.

7 Kontrak menjahit pakaian seragam — (48/83), Polis Diraja — Mohd Risal Manufacturer Co — $271,210.

8 Membekal tangga (48/83) — Sukhrin Trading Ent — $13,900 — 8-10 minggu.

9 Membekal atap keping (63/83) — Orbit Enterprise — $105,300 — 6 minggu.

10 Pemasangan elektrik di Sekolah Kg. Sg. Si Amas — LK-Nes (B) Pte Ltd — $118,937.

11 Membekal semi-trailer dan tractive Unit ke ABDB (17/83) — Champion Motors — $363,495.60 ( + cukai ) bagi Bedford EWV8MFO TM3650 RHD Tractor, iaitu dua buah tractive unit dan 4 buah semi trailer — 6 minggu.

12 Membekal meter air — George Kent (S) Pte Ltd — $10,974.

13 Tanah penimbus dsb ke Batang Mitus/Birau—Awg Damit & Co (Pte) Ltd — $57,615 — 1 bulan.

14 Kubah alumminium dsb di Masjid Kg. Pelambayan—Purnama Const — $15,000 — 2 bulan.

15 Membekal landaian perahu, Arena Sukan JKR — Haji Md Hassan bin Abdullah Co Ltd — $58,040 — 2 bulan.

16 Bilik-bilik darjah tambahan di SM Dato Ahmad — Syarikat Morni — $982,976 — 12 bulan.

17 Pemasangan elektrik untuk rumah Kelas C di Perumahan Polis Lapangan Terbang — Lee Long Elec. Co.—$25,250

18 Pemasangan elektrik di Padang Polo Jerudong — Lee Jong Elec Co — $71,353.20.

19 Kontrak No. 2 — Kerja Saluran Najis Tutong — Antah Biwater Sdn Bhd — $205,835 — 12 bulan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di Pejabat Jerudong Park

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Pejabat Jerudong Park, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU TINGKAT KHAS :

**Tanggagaji :** E. 2-3 EB. 4 — $470-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman dalam memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. PEMANDU TINGKAT I :

**Tanggagaji :** F. 3-4-5 EB. 6 $430-$620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

3. PEMANDU KERETA TINGKAT II :

**Tanggagaji :** F. 3-4 EB. 5— $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

i) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan XI (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah satu kelebihan.

Am :

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa perkerjaan biasa atau bekarja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 29 Februari, 1984.

( E/2964/83 )

( Bilangan iklan : 9/1984 ).

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE

No. 5/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 5th. March, 1984 for the Supply and Delivery of the following Spare Parts for Brunei Fire Brigade as stated below:—

1. Spare parts for portable Pumps:—

Model a. G.P.F.
b. G.P.A.
c. G.P.C.
d. P.F.P.

2. Breathing Apparatus Types a. Siebe Gorman set
b. Dreager Set.

2. The supplier is required to supply for the period of two years from the date of approval.

3. Tenderers are requested to forwad their catalogue and specifications for the above spare parts with their quotations and tenders. All prices quoted to be in Brunei currency CIF Brunei.

4. Further specifications and details of the Spare Parts List may be obtained from the Senior Staff Offficer Fire Brigade Headquarters Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Date of delivery to be stated.

6. Tenders received after the above stated time and date will be rejected.

7. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Tenders for the Supply and Delivery of Spare Parts" and should be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. The name of the tenderer must not be written on the envelope.

8. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender received.

## TAWARAN-TAWARAN YANG BERJAYA

1 Membekal Canvas (61/83)—Brusin Trading Co—$132,000 (PVC coated,)
2 Pemasangan elektrik untuk Kompleks Kenderaan Bermotor dsb di Penanjong — LK-NES (B) Pte Ltd — $99,791.
3 Membekal sistem perhubungan bergerak — Electrronic Salse & Services Ltd — $225,909.10.
4 Pemasangan elektrik, SM Dato Ahmad — Friendly Co — $33,455.00.
5 Membaiki Pusat Tingkatan Enam dsb — Rome Suri Ent — $527,450 — 4 bulan.
6 Membekal batu-batu pecah ke Binturan — Syarikat Perusahaan Brunei — $210,000 — 5 bulan.
7 Membaiki cucuran atap dsb di gudang Stor Kerajaan — Sinar Const — $19,400 — 2 bulan.
8 Membaiki pagar Kompleks Belia, Seria — Pg Mustapha Pg Hj Mat Salleh — $35,052 — 2½ bulan.
9 Flat Kelas E di Penanjong Kem — Hong Lee Const Co — $9,281,786.60 — 30 bulan.
10 Tandas dsb di Masjid PDI Hj Mokti — Rozi Enterprise — $24,659 — 2 bulan.
11 Membina dewan serbaguna, Lapanganterbang Lama — Fas Const — $311,240 — 5 bulan
12 Membina Jambatan di Batu 5/5 Jalan Berakas — Syarikat Thunder — $706,195.70 — 6 bulan.
13 Tempat pejalan kaki di Batu 14 & 16, Jalan Tutong — Syarikat Thunder — $355,147.59 — 7½ bulan.
14 Ibu Pejabat Perubatan, Lapanganterbang Lama — CTP Const Co — $3,351,578.40 — 17 bulan.

---

1 Pasukan Simpanan Askar Gurkha, Fasa III — CTP Const Co Ltd — $2,906,251.90 — 15 bulan.
2 Memagar dsb kawasan perindustrian JKR di Kg Sinarubai — Md Hassan Abdullah Const — $135,030 — 4 bulan.
3 Kerja-kerja pembersihan Saluran Najis Tutong — Kontrak No. 1 — Yale Const & Dev Co — $168,518 — 5 bulan.
4 RC spun pipe culverts untuk penghubung Jalan Tungku — Ibrahim bin Kadir — $147,060 — 4 bulan.
5 Permukaan tiruan untuk gelanggang-gelanggang tenis di Kompleks Belia dan Sukan — Aw Tengah bin Hassip — $110,663.20 — 2 bulan.
6 Unit kawalan gas (46/83) — Arm Ent — $14,365.95.
7 Permasangan elektrik untuk Pejabat Pos baru di Kg Mengelait — Lee Jong Elec Co — $13,808.00.
8 Pemasangan elektrik untuk SM Amo — Friendly Elec Co — $9,564.00.
9 Tembok penahan, Jati No 6 di Alangan Damit — Hj Kamis OKK Hj Md Tahir — $15,669 — 4 minggu.
10 Membina tangga konkrit tetulang dsb untuk Makam Sultan Bolkiah — Syarikat Pem Lumapas — $11,805 — 8 minggu.
11 Kerja-kerja piling untuk Pusat Sejarah — Dato Hamidoon Cont — $444,666.70 — 4 bulan.
12 Kerja membaiki dsb di flat Istana Darul Hana — Pg Hj Puteh Pg Ahmad — $18,800 — 72 hari.
13 Membekal simen — Chop Hock Huat — $163.00 — 1 tahun.
14 Jalan beratap untuk MPHB, Gadong — Borneo Builders — $73,000 — 4½ bulan.
15 Sadaian perahu untuk Pasukan Bomba, Temburong — Syarikat Hj Metussin & Anak-Anak — $43,900 — 2½ bulan.
16 Mengganti grandstand KBRC — $297,224.90 — 3 bulan.
17 Kerja membaiki kerosakan dsb di Masjid SOAS dsb — Mau Jaya (Pte) Ltd — $408,800 — 4½ bulan.

## JABATAN PERKHIDMATAN POS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### KENYATAAN TAWARAN 1984

### TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN-PAKAIAN SERAGAM UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN POS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK TAHUN 1984

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan menghantar tawaran untuk membekalkan pakaian seragam bagi kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos, Negara Brunei Darussalam untuk tahun 1984 untuk semua Pejabat Pos Daerah : Bandar Seri Begawan, Muara, Kuala Belait, Seria, Tutong dan Temburong.

2. Semua tawaran beserta dengan contoh-contoh kain hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan dengan dimasukkan dalam sampul surat berdaftar dan diseal. Sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN-PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN POS, BRUNEI UNTUK TAHUN 1984" sahaja tanpa membubuh nama pengirim.

3. Semua tawaran hendaklah disampaikan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran tidak lewat dari hari Isnin 2 April, 1984 jam 12.00 tengah hari dan tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang dinyatakan itu tidak akan dilayan.

4. Keperluan permulaan lebih kurang seperti berikut : —
Posmen/Posmen Tingkat Khas/Posmen Tingkat I/ Posmen Tingkat II/Tukang Kayu/Tukang Cat/ Pembersih Pejabat
100 x 2 = 200 pasang baju panjang tangan
100 x 1 = 100 pasang baju pendek tangan
JUMLAH = 300 pasang.

5. Pemborong adalah dikehendaki menyatakan jangka masa penyiapannya.

6. Tawaran akan juga digunakan untuk bekalan pakaian seragam sepanjang tahun 1984.

7. Pemborong yang berjaya adalah dikehendaki mengambil sukatan di semua pejabat pos daerah. Bentuk potongan, jenis-jenis kain dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Pejabat Pos Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

8. Kerajaan tidak terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

## TAWARAN J.K.R. KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pergecualien tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: NO. KB. 4 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK : "PEMBINAAN SAMBUNGAN JALAN RAYA (JALAN PANDAN LIMA) KUALA BELAIT"

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup : 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran : $300.00.

### BIL: NO. KB. 5 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk :

PROJEK : "PEMBINAAN LONGKANG R.C. SEPANJANG JALAN CAREY SEBELAH SELATAN DARI BATU 1 HINGGA KE PADANG K.B.R.C. KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Keria Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup : 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran : $600.00.

## Tawaran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei, di alamat Pejabat Kewangan Negara, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 27 Februari, 1984, jam 12.00 tengah hari untuk membekalkan alat-alat yang berikut:—

i) Perahu sangkut (panjang) — 3 buah
ii) Enjin sangkut 150 Kuasakuda — 2 buah
iii) Enjin sangkut 85 Kuasakuda — 2 buah
iv) Enjin sangkut 50 Kuasakuda — 2 buah

2. Syarat-syarat, butir-butir dan penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara tersebut boleh dilihat dan diperolehi dari bahagian pentadbiran (tawaran) tingkat pertama, bilik No: 205, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

3. Wang cagaran tawaran hendaklah dibayar di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (bahagian kewangan) tingkat pertama, bilik No: 202 pada bila-bila masa waktu bekerja biasa sehingga hari Sabtu, 25 Februari, 1984, jam 3.00 petang seperti berikut:—

i) Wang cagaran untuk perahu sangkut — $100.00
ii) Wang cagaran untuk enjin-enjin sangkut — $200.00

4. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan dalam sampul surat tertutup (sealed) dengan menyatakan 'TAWARAN BAGI MEMBEKAL PERAHU SANGKUT DAN ENJIN, JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM' tanpa sebarang pengenalan diri pengirim.

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

6. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau tawaran yang difikirkan yang tidak munasabah.

## TAWARAN LEMBAGA KEMAJUAN EKONOMI, BRUNEI

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20, Februari 1984, bagi membekalkan kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi, Brunei.

SEBUAH STATION WAGON 4 WD 4 CYLINDER PETROL DRIVEN.

2. Butir-butir lanjut mengenai spesifikasi dan syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Lembaga Kemajuan Ekonomi, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu pejabat dibuka.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan for the :

SUPPLY AND INSTALLATION OF STANDARD INCUBATOR AND HATCHER

at Mentiri Agricultural Station.

2. Details of the Incubator and Hatcher required are as follows : —

### TYPFICATIONS

| | | |
|---|---|---|
| | 2 — side doors | Solid state control (electronic controls) |
| Basic | 2 — end doors | or |
| or | 1 — side and 1 — end with standard controls. | |
| Side | doors. | (electro-mechanical controls) |
| | 4 — end doors. | |

### SPECIFICATIONS

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Incubator egg capacity | — | 77,760 eggs |
| 2. | Hatcher egg capacity | — | 12,960 chicken eggs |
| 3. | Total egg capacity | — | 90,720 chicken eggs |
| 4. | Incubator dimensions | — | Basic unit — length 27′ 4″ Width 10′ Height 8′ 3″ Side unit — length 27′ 4″ Width 9′ 10¼″ Height 8′ 3″ |
| 5. | Hatcher dimensions | — | Length 9′ ¼″ width 6′ ¼″ Height 7′ 7″ |
| 5. | Incubator rack dimensions | — | Length 49⅜″ width 39¼″ Height 78⅝″ |
| 7. | Hatcher rack dimensions | — | Length 46-9/16″, width 38⅜″ Height 69⅞″ |
| 8. | Egg flat dimensions | — | Length 11½″ width 11½″ |
| 9. | Incubator egg flat capacity | — | Each flat holds 36 eggs. |
| 10. | Hatching tray capacity | — | 144 chicken eggs/tray x 45 trays/rack x 2 racks. |
| 11. | Egg turner | — | Pneumatic turning system with air compressor. |
| 12. | Alarm system | — | Both visual and by bell gives warning if temperature high or power off. |
| 13. | Power source | — | Single phase 3 wire, 230/115 volt, 50/60Hz. Single phase 2 wire 230 volt, 50/60Hz. |

3. Other informations are available from Agriculture Officer (Livestock), Veterinary Clinic, Bandar Seri Begawan (Tel. No. 22296).

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address but clearly marked :

CONFIDENTIAL — INCUBATOR AND HATCHER — AGRICULTURE DEPARTMENT.

5. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, not later than 12.00 noon on Monday 20th February 1984. Tenders received after this date will be rejected.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JABATAN LAUT, BRUNEI

### KENYATAAN TAWARAN BIL. 1 TAHUN 1984 INSURANS LAUT BAGI KAPAL TUNDA LABUHAN DAN PERAIRAN MASUK JABATAN LAUT M. T. "SUMPIT-SUMPIT"

TAWARAN-tawaran akan diterima dari broker-broker insurans laut yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 14 Mac 1984 bagi insurans laut kapal tunda labuhan dan perairan masuk Jabatan Laut M. T. "Sumpit-Sumpit".

2. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa tertutup tanpa pengenalan nama Pemborong di depan sampul surat. Sampul surat itu mestilah di tanda "Tawaran bagi Insurans Laut bagi Kapal Tunda Jabatan Laut M.T. "Sumpit-Sumpit" dan dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran seperti alamat yang diterangkan di atas.

3. **Keterangan-Keterangan Kapal dan Perlindungan Insurans Yang Dikehendaki.**

3.1 **Kapal**

3.1.1. Kapal Tunda Twin Screw "Sumpit-Sumpit". Dibina tahun 1983. Gross Tonnage 236.55. Sesaran 291 tan. Panjang 30 Meter. Laju 12 Knot. Kekuatan Tenaga 1600. Tenaga Tarikan Tonggak Lintas 20 tan. Jenis Lloyds + 100 A1 Kapal Tunda + LMC.

3.1.2. Operasi kapal selaku kapal tunda labuhan dan penambatan di Pelabuhan Muara, Brunei dan bebas belayar di lingkungan 30 batu dari pantai Brunei, Sabah dan Sarawak serta dibenarkan belayar melebihi had-had yang di atas berdasarkan alasan-alasan perikemanusian jika kejadian itu menghendaki. Operasi-operasi menyelamat terkandung.

3.2 **Perlindungan Insurans Yang Dikehendaki**

3.2.1. Penginsurans : Kerajaan Brunei

3.2.2. Tempoh Insurans : Dua Belas Bulan

3.2.3. Faedah : Badan kapal dan Alat Jentera dsb. bernilai Brunei $4,000,000.

3.2.4. Jumlah Diinsuranskan : 50 peratus (Lebihnya disimpan oleh Penginsurans).

3.2.5. Syarat-syarat : Institut Perjanjian-Perjanjian Tempoh.

4/4 Perjanjian Pemberhentian Kerja.

Lindungan dan Gantirugi seperti Perjanjian-Perjanjian Risiko-Risiko Institut Pelabuhan.

Perjanjian Penyingkiran Pencemaran.

Pemotongan, Brunei $10,000.

Termasuk Anak-Anak Kapal dan Barang Muatan.

4. Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan kapal berkenaan atau perlindungan insurans yang dikehendaki bolehlah diperolehi dari pejabat Pengarah Laut, Bangunan Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat Tukang Jahit adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 20 Februari 1984, jam 12.00 tengah hari untuk membekal dan upah menjahit Pakaian Seragam bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan-Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Brunei dan Muara dan Temburong bagi tahun 1984.

2. Wang cagaran tawaran hendaklah dibayar di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (bahagian kewangan) tingkat pertama, bilik No: 202 pada bila-bila masa waktu bekerja biasa sehingga hari Sabtu 18 Februari, 1984, jam 3.00 petang sebanyak $100.00 (seratus ringgit sahaja).

3. Butir-butir tawaran dan penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dan diperolehi di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (bahagian tawaran) tingkat pertama, bilik No: 205 pada bila-bila masa waktu bekerja biasa hingga jam 4.00 petang hari Sabtu, 18 Februari 1984 dan tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00, hari Isnin 20 Februari 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depot Logistik, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

**BIL. PROC/T/04/84**
MEMBEKALKAN :
CONCRETE PONTOONS
Cagaran : $300.00.

**BIL. PROC/T/05/84**
MEMBEKALKAN :
METALWORK TOOLS AND MATERIAL.
Cagaran : $300.00.

**BIL. PROC/T/06/84**
MEMBEKALKAN :
MUIRHILL A5000 SPARE PARTS.
Cagaran : $300.00.

**BIL. PROC/T/07/84**
MEMBEKALKAN :
FAST ASSAULT BOAB SPARES.
Cagaran : $200 00.

**BIL. PROC/T/08/84**
MEMBEKALKAN :
SAILING BOAT SPARES.
Cagaran : $100.00.

**BIL. PROC/T/09/84**
MEMBEKALKAN :
FIELD COOKING EQUIPMENT.
Cagaran : $100.00.

**BIL. PROC/T/10/84**
MEMBEKALKAN :
BATTERY CHARGER RACAL CONSTA VOLT.
Cagaran : $150.00.

**BIL. PROC/T/11/84**
MEMBEKALKAN :
KAYAKS AND SPARES.
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/12/84**
MEMBEKALKAN :
SHIP SPARES WASPADA AND ROTOK.
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/16/84**
MEMBEKALKAN :
STORAGE BINS ELECTRONIC STORE BOLKIAH.
Cagaran : $100.00.

**BIL. PROC/T/17/84**
MEMBEKALKAN :
SHELTER PORTABLE LIGHT WEIGHT.
Cagaran : $500.00.

**BIL. PROC/T/19/84**
MEMBEKALKAN :
NAVIGATION BAGS.
Cagaran : $100.00.

**BIL. PROC/T/20/84**
MEMBEKALKAN :
BLANKET G-S.
Cagaran : $100.00.

**BIL. PROC/T/21/84**
MEMBEKALKAN :
EQUIPMENT FOR BELL 206.
Cagaran : $300.00.

**BIL. PROC/T/22/84**
MEMBEKALKAN :
REME WORKSHOPS TOOLS.
Cagaran : $500 00.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

**SUPPLY OF ESSEX SEALPIC FF TELEPHONE CABLE**

TENDERS are invited from the manufacturer or accredited agents for the supply of Essex Sealpic FF Telephone Cable.

Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday, 5th March, 1984.

Conditions of tender and quantities required can be obtained from the office of The Director of Telecommunications, 1st Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam on payment of a deposit of $100 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a valid tender.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

BRUNEI

## SKIM PELATIH INDUSTRI SHELL BRUNEI

SEKALI LAGI, dalam tahun 1984, Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad menawarkan peluang-peluang kepada anak-anak muda Negara Brunei Darussalam yang telah menamatkan pengajian Tingkatan Lima dan ingin memulakan kerjaya mereka di dalam perusahaan minyak dan gas. Pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang diperlukan sahaja akan diberi pertimbangan. Mereka yang terpilih akan diberikan latihan meluas dan hendaklah :

* Lelaki berumur antara 17 dan 23 tahun pada 1 Julai, 1984.
* Warganegara Negara Brunei Darussalam.
* Boleh menguasai Bahasa Inggeris dengan berpatutan.
* Tamat Tingkatan V.
* Bersedia untuk bekerja di laut dan/atau pada waktu yang luar dari biasa.

Skim Pelatih Industri ini bertujuan untuk menyediakan anak-anak muda Negara Brunei Darussalam dengan kemahiran-kemahiran teknikal asas yang perlu untuk membolehkan mereka bekerja sebagai Juruteknik atau Tukang di Shell Brunei dan LNG Brunei. Bagi sebahagian besar pelatih-pelatih, kursus ini bermula dengan Kejuruteraan Asas di tahun pertama. Ini diikuti dengan latihan keahlian di bidang-bidang yang berkaitan dengan perusahaan minyak dan gas seperti Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanik, Kejuruteraan Instrumen, Telekom dan lain-lain.

Wakil-wakil Shell Brunei akan mengadakan Sessi Penerangan pada **hari Jumaat, 10 Februari 1984 jam 10.00 pagi di Sekolah Melayu Jamalul Alam (S.M.J.A.) di Bandar Seri Begawan dan SRC di Seria.**

Jika awang berminat untuk memasuki skim ini, awang seboleh-bolehnya hendaklah, menghadiri salah satu sessi tersebut di atas. Borang-borang permohonan akan dibahagikan di sessi itu dan untuk membolehkan awang mengisikan dengan lengkap dan tepat, kad pengenalan dan butir-butir sebarang peperiksaan yang telah diambil termasuk BJCE hendaklah dibawa bersama. Pen juga perlu dibawa bersama.

Jika awang tidak dapat menghadiri salah satu sessi itu, sila menulis surat seberapa segera yang boleh, menyatakan butir-butir lengkap mengenai umur, kebangsaan dan keputusan-keputusan peperiksaan termasuk BJCE kepada :

Jabatan Perancang dan Kemajuan Kakitangan
(Rj. : BB/3),
Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad,
Seria.

Tarikh tutup menerima permohonan ialah 20 Februari, 1984.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat Tukang Jahit Daerah Belait adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 20 Februari 1984, jam 12.00 tengah hari untuk membekal dan upah menjahit Pakaian Seragam bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan-Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Belait bagi tahun 1984.

2. Wang cagaran tawaran hendaklah dibayar di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (bahagian kewangan) tingkat pertama, bilik No: 202 pada bila-bila masa waktu bekerja biasa sehingga hari Sabtu 18 Februari, 1984, jam 3.00 petang sebanyak $100.00 (seratus ringgit sahaja).

3. Butir-butir tawaran dan penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dan diperolehi dari pihak Kadzi Daerah Belait, di Pejabat Hal Ehwal Ugama Kuala Belait pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka hingga jam 4.00 petang, hari Sabtu 18 Februari 1984 dan tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENYELIA HARTABENDA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENYELIA HARTABENDA di Jabatan Radio Televisyen, Brunei.

Tanggagaji : D. 3 EB.4-5— $720-$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

Sekurang-kurangnya berumur 25 tahun dan lulus peringkat 'O' atau yang sebanding. Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penerbitan dan penyiaran adalah diperlukan.

**Tugas-tugas :**

a) Menguruskan kakitangan dan kelengkapan-kelengkapan prop untuk studio-studio TV atau rakaman luar, bagi pihak Ketua Pereka.
b) Bersedia untuk bertugas pada hari-hari cuti awam.
c) Berupaya mendapatkan 'Quotations' bagi pembelian-pembelian atau props-services jika dikehendaki demikian oleh Penerbit (Requisition Form atau Memo), dan memprosesnya bagi memperolehi bahan-bahan selalunya melalui Ketua Pereka yang membenarkan.
d) Mengambil bahagian dalam 'preproduction planning meeting' bila diperlukan.
e) Mempasti inventory yang teratur ada tersimpan bagi semua stor-stor.
f) Mengawas dan melaksanakan aliran dan pemeliharaan prop-prop dengan cara yang efficent dan berkesan.
g) Mencatat dan merekod semua bahan-bahan yang dikeluarkan. Juga menelitinya selepas ianya digunakan dan dikembalikan. Melaporkan kepada Ketua Pereka bagi sebarang kehilangan atau kerosakan untuk makluman Penyelanggara Stor.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan suratsurat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup : 10 Mac, 1984.
(Bilangan iklan : 2/1984).
(E/469/76)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBORONG-pemborong tempatan adalah dipelawa untuk membekalkan "PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, BRUNEI BAGI TAHUN 1984."

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dan dialamatkan kepada:—

Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei,
d/a. Pejabat Kewangan Negara,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Di samping itu, hendaklah juga dengan terang dinyatakan di atas sampul surat tersebut "MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN BRUNEI," dengan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan nama pemborong di atas sampul yang berkenaan. Tawaran-tawaran ini hendaklah dihantar tidak lewat daripada hari ISNIN, 20 Februari 1984, jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan di atas, tidak akan dilayan.

3. Keterangan lanjut berhubungan dengan perkara ini, boleh didapati daripada Penolong Pentadbir, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

4. Wang cengkeram (deposit) sebanyak $100.00 hendaklah dibayar ke Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Brunei, pada bila-bila masa saja waktu pejabat dibuka.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran umpamanya.

### PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA BRUNEI

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Isnin 27 Februari 1984 untuk membekalkan berbagai jenis bendera bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

2. Butir-butir dan borang tawaran serta penerangan-penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Bahagian Pentadbiran (Tawaran) Tingkat Pertama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Bilik No. 205 pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

3. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

BRUNEI

### MEMPELAWA TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipersilakan dari Pemborong-pemborong yang dibenarkan oleh Syarikat untuk:

**BILANGAN TAWARAN : 001585/LEN**
**KATEGORI CB2 KELAS C**

Unit menchayerkan jenis 3100 — Pemeriksaan dan rombak rawat kelengkapan berkedudukan tetap.

Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk ke Papan-papan kenyataan untuk Tawaran B.S.P.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 19 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-Pembekal borong Kelas "AX" dan ke atas untuk

PROJEK : "CADANGAN KOMPLEKS KENDERAAN BERMOTOR, PUSAT PENYIMPANAN SENJATA DAN KOMPLEKS JURUTERA GARISON, PENANJONG — PERINGKAT KEDUA — KOMPLEKS JURUTERA GARISON."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Booty Edwards dan Rakan-Rakan, 146, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Mac, 1984.

Tarikh tutup : 5 Mac, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000.00

### BIL: 20 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk

PROJEK : "PENAHAN DINDING GABION DI PENGKALAN (JETTY) No. 6 ALANGAN DAMIT, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM — PERINGKAT KEDUA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Februari, 1984.

Tarikh tutup : 13 Februari, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 21 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK : "PEMBINAAN SATU BLOK RUMAH PANGSA KELAS E DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA BAGI SEKOLAH MELAYU BENGKURONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup : 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 22 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk :

PROJEK : "MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU CRUSHER-RUN KE JALAN UKONG - BUKIT DAERAH TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup : 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000.00.

### BIL: 23 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK : "MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU CRUSHER-RUN KE JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN BARU PEJABAT KERJA RAYA DI KAMPONG SINARUBAI DAERAH BRUNEI/MUARA"

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup : 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL: 24 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk

PROJEK : "CADANGAN KERJA-KERJA TAMBAHAN KEPADA SEKOLAH RENDAH DI JALAN KUALA ABANG, KIUDANG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Ibrahim, 201 Chandrawaseh Complex, Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Februari, 1984.

Tarikh tutup : 27 Februari, 1984.
Cagarann tawaran : $200.00 + $100.00 (Lukisan).

### BIL: 25 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan ke atas untuk:

PROJEK : CADANGAN 11KV SUBSTATION BAGI JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LETRIK DI KAWASAN DEWAN MAJLIS/LAPAU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Ibrahim, 201 Chandrawaseh Complex Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup : 20 Februari, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

## TAWARAN PEJABAT DAERAH TUTONG

TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Empat, Bangunan Tambahan Baru Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari pada hari Isnin 27 Februari, 1984 untuk:—

MEMBEKALKAN SATU (1) BUAH WHEEL BACKHOE — LOADER

2. Tawaran yang terlewat dari tarikh ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak membubuh tanda atau nama pengirim di luarnya. Di penjuru sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis "TAWARAN JABATAN DAERAH TUTONG WHEEL BACKHOE LOADER."

4. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan seperti alamat di atas.

5. Penentuan tawaran (specification) boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah dengan bayaran cagaran $500.00. Cagaran akan dibayar balik kepada tawaran-tawaran yang tidak berjaya.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

---

TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Empat, Bangunan Tambahan Baru Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari pada hari Isnin 27 Februari, 1984 untuk:—

MEMBEKALKAN SATU (1) BUAH TRAK TANGKI AIR MUATAN 1600 GALLON

2. Tawaran yang terlewat dari tarikh ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak membubuh tanda atau nama pengirim di luarnya. Di penjuru sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis "TAWARAN JABATAN DAERAH TUTONG TRAK TANGKI AIR MUATAN 1600 GALLON."

4. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan seperti alamat di atas.

5. Penentuan tawaran (specification) boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah dengan bayaran cagaran $500.00. Cagaran akan dibayar balik kepada tawaran-tawaran yang tidak berjaya.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

BIL. TAWARAN 18/1984

PEMBEKALAN PORTA-CABIN TYPE MOBILE UNITS.

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Februari, 1984.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1150 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Cagaran tawaran sebanyak $300.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap syarikat yang tidak berjaya.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### PEMBERITAHUAN TAWARAN

BIL. PPL/03/1984

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN PEJABAT-PEJABAT DI JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS.

Tarikh tutup: 20 Februari, 1984, jam 12.00 tengah hari.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Wadar Di Jabatan Penjara

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai wadar di Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan-kelayakan**

a) Berumur antara 18 hingga 25 tahun.
b) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah Enam (VI) Sekolah Melayu atau darjah yang sebanding dengannya di Sekolah Inggeris. Kelulusan yang lebih tinggi adalah satu keutamaan.
c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 2 inci.
d) Dada sekurang-kurangnya 31 inci apabila tidak ditarik nafas.
e) Tubuh badan sihat dan tegap serta lulus pemeriksaan kesihatan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

**Tanggagaji**

P. 1 EB. 2 — $480-490-500-510-520-530-540-550-560-570-580-590-600/EB/605-615-625-635-645-655-675-685.

Elaun 'P' sebanyak $100.00 sebulan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan salinan catatan perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-perhomonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan surat-surat akuan dan sijil persekolahan ke Jabatan Penjara, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 14 Februari, 1984.

## PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK TENTERA UDARA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Juruterbang di dalam Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tentera Udara ini sedang berkembang dan memerlukan anak-anak muda untuk dilatih sebagai juruterbang.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan dalam awal bulan April 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Sabtu 3 Mac, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
b. Jika Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.
c. Berkelulusan pelajaran GCE peringkat 'O' di dalam Bahasa Inggeris (kelulusan 8 adalah diterima), Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Sain (kredit 6 ke atas). Calon-calon yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberikan keutamaan.
d. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 30 April, 1984.
e. Tinggi sekurang-kurang 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.
f. Lulus pemeriksaan kesihatan tentera.

2. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Juruterbang, Awang akan menjalani latihan asas tentera tidak kurang selama 8 minggu di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkiah dan diikuti dengan kursus Pegawai Kadet di Maktab Tentera Udara Diraja Cranwell, United Kingdom. Setelah tamat dan lulus berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Latihan asas penerbangan dijalankan di Brunei.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada:

a. Pegawai Pengambilan Pasukan
Pusat Latihan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Bandar Seri Begawan
Telefon: 30531 samb.: 111 atau 112.

b. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Bandaran
Bandar Seri Begawan

c. Pusat Pengambilan ABDB
Bilik Bacaan
Tutong.

d. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Kemasyarakatan
Kuala Belait.

e. Pejabat Pengambilan ABDB
Bangar
Temburong.

Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefan Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.

## CIVIL AVIATION DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS are invited to bid for the lease of the following floor space at the Brunei International Airport:

TWO OPEN FLOOR SPACE OF APPROXIMATELY 27 SQUARE FEET EACH FOR CAR HIRE FACILITIES.

2. Tenders should quote proposed rent per month.
3. Successful tenderers are required to arrange for the provision of telephones on the premises and to pay all rental and other charges relating thereto.
4. The contract will be for a period of two years renewable biennial by open tender.
5. Tenders must be contained in plain and sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam and clearly marked:

"CAR HIRE FACILITIES AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"

and placed in the Tenders Box situated outside the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 20 February, 1984.
6. The Govenment of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEGAWAI BERTAULIAH TETAP ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Tetap di dalam Angkatan ini. Angkatan ini sedang membesar dan berkehendakan anak-anak muda untuk dilatih sebagai pegawai-pegawai tentera di dalam bidang keahlian seperti jurusan Penerbangan, Pelaut, Logistik, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang-Awang berkebolehan dan mempunyai kelayakan-kelayakan akademik yang diperlukan, Angkatan ini akan membantu Awang-Awang untuk dilatih di dalam bidang-bidang tersebut.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan dalam awal bulan April 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Sabtu 3 Mac, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
b. Jika Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.
c. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris. Kelulusan dalam Ilmu Hisab dan mata-mata pelajaran Sains yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
d. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 30 April, 1984.
e. Tinggi sekurang-kurang 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

3. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Kadet, Awang akan menjalani latihan asas tentera selama 6 ke 9 bulan di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkiah. Tertakluk kepada lulusnya Awang dalam latihan tersebut Awang akan dihantar ke seberang laut untuk menjalani kursus Pegawai Kadet. Setelah tamat dan lulus berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada:

a. Pegawai Pengambilan Pasukan
Pusat Latihan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Bandar Seri Begawan
Telefon: 30531 samb.: 111 atau 112.

b. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Bandaran
Bandar Seri Begawan.

c. Pusat Pengambilan ABDB
Bilik Bacaan
Tutong.

d. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Kemasyarakatan
Kuala Belait.

e. Pejabat Pengambilan ABDB
Bangar
Temburong.

Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.

## PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK TENTERA LAUT ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI mempelawa Pemuda-Pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek di dalam Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tentera Laut ini sedang berkembang dan memerlukan anak-anak muda untuk dilatih sebagai pegawai-pagawai tentera laut dalam bidang keahlian seperti jurusan Pegawai Memerintah Kapal.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan dalam awal bulan April 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Sabtu 3 Mac, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
g. Jika Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang dengan adat resam orang orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.
c. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan yang sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab. Calon-calon yang lulus dalam Ilmu Sains dan mata-mata pelajaran yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
d. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 30 April, 1984.
e. Tinggi sekurangkurang 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

3. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Tentera Laut, Awang akan menjalani latihan asas tentera tidak kurang selama 8 minggu di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkiah dan diikuti dengan kursus Pegawai Kadet di Maktab Tentera Laut Diraja Britannia, Dartmouth di United Kingdom. Setelah tamat berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapat daripada:

a. Pegawai Pengambilan Pasukan
Pusat Latihan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Bandar Seri Begawan
Telefon: 30531 samb: 111 atau 112.

b. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Bandaran
Bandar Seri Begawan.

c. Pusat Pengambilan ABDB
Bilik Bacaan
Tutong.

d. Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Kemasyarakatan
Kuala Belait.

e. Pejabat Pengambilan ABDB
Bangar
Temburong.

5. Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat pada hari Isnin, 27 Februari 1984 untuk 'MEMBEKALKAN LAND CRUISER BAGI JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI':—

a) Land Cruiser 4WD — 1 unit.

2. Wang deposit mengenai perkara tersebut sebanyak $200.00 (dua ratus ringgit sahaja) hendaklah dibayar di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, bahagian Kewangan Tingkat I, bilik No: 202 pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka sehingga pada hari Sabtu, 25 Februari 1984, jam 3.00 petang.

3 Syarikat-syarikat yang berhajat untuk menghantar tawaran mereka (selain jenis yang dikehendaki) adalah diminta memberikan jenis kenderaan, menyertakan katalog jika ada dan butir-butir yang berikut hendaklah dinyatakan dalam tawaran masing-masing:—

i) Tarikh sampai ke Brunei;
ii) Harga sebuah termasuk cukai masuk (CIF) ke Brunei;
iii) Alat-Alat iringan (accessories) diberikan;
iv) Lama dalam jaminan; dan
v) Lain-lain hal jika ada.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah/murah atau sebarang tawaran mengenainya.

# UKUR MAINKAN PERANAN PENTING

Oleh: Ahat Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Awg Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup menegaskan bahawa Jabatan Ukur memainkan peranan penting pada melaksanakan pembangunan fizikal, ekonomi, dan sosial negara.

Profesion mengukur tidak lagi tertumpu pada Cadastral Survey iaitu menyukat geran tanah malahan telah diperluaskan kepada aktiviti-aktiviti Topographical Surveying (pengukuran topografi) dan Contour Mapping (peta kontor).

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Kursus Ulangkaji Kakitangan Teknikal Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan bertempat di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari Isnin yang lepas.

Di satu ketika nanti jelasnya, Jabatan Ukur akan melibatkan diri dengan pengukuran unit-unit dari rangkaian bangunan mencakar langit, sehinggalah kepada pengukuran laut yang mana nanti ianya nanti bukanlah merupakan satu impian yang tidak boleh dicapai.

"Tidak hairanlah kalau dewasa ini kerja-kerja mengukur dan membuat peta menghendaki penggunaan mesin-mesin yang sofistikated dan perlu dipelajari cara penggunaan yang betul agar dapat mengurangkan kerosakan, dan perbelanjaan pemeliharaannya," ujar Awg Haji Mohd Salleh.

Katanya kursus seperti ini perlu dinilai dari satu masa ke satu masa di berbagai aspek, umpamanya method penyampaian, subjek content, dan impact atau kesan pada mereka yang mengikuti kursus itu sendiri.

Sehubungan dengan ini beliau menyatakan bahawa ianya bermanfaat bagi penganjur-penganjur kursus di jabatan-jabatan dalam kementerian tersebut bertukar-tukar fikiran serta pengalaman yang bertujuan untuk meninggikan aspirasi masing-masing supaya dari satu masa ke satu masa objektif yang lebih tinggi akan dapat dilaksanakan.

"Apa jua jenis kursus yang berbentuk "In house trainning' adalah menekankan pendekatan kepada sudut kualiti yakni pada membaiki daya atau mutu kerja seseorang (work performance) di atas pengetahuan asas yang sudah dimiliki," kata Awg Hj Md Salleh selanjutnya.

Beliau berharap semoga kursus seumpama itu akan dapat diusahakan pada setiap masa mengikut kehendak dan keperluan serta keupayaan.

Terdahulu dari itu Pemangku Juruukur Agung Awg Yunos bin Md. Noh dalam ucapan alu-aluannya menyatakan yang kursus tersebut dianjurkan bertujuan bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan kakitangan jabatan tersebut terutama dalam memberi peluang kepada pegawai-pegawai yang tidak mempunyai kesempatan menyertai kursus di luar negeri.

Katanya ketika ini Jabatan Ukur mempunyai 43 orang pegawai terlatih yang mana 11 daripadanya mempunyai kelulusan akademik dalam peringkat Ijazah, Diploma tertinggi, dan seterusnya Diploma biasa dari berbagai Institut Ukur sebarang laut. Manakala 30 orang pegawai di jabatan tersebut mengikuti kursus-kursus penempatan praktikal di seberang laut.

Kira-kira 80 orang peserta mewakili semua bahagian jabatan itu di seluruh negara mengikuti kursus tersebut yang berjalan selama sembilan bulan. Kursus tersebut terbahagi kepada tiga peringkat iaitu Kursus bagi Pegawai-pegawai Ukur, (Pegawai Luar) Kursus Praktikal bagi Juru-juru Teknik Ukur, dan Kursus Am Ukur (Pegawai Luar) Kursus Praktikal bagi Juru-juru Teknik Ukur Tanah. Seorang Pensyarah Kanan dari Universiti Teknologi Malaysia telah diundang bagi mengendalikan sepanjang kursus itu.

## Ahli diminta berikan alamat terbaru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tadbir Syarikat Kerjasama Pegawai-Pegawai Rendah Kerajaan Brunei sukacita meminta semua ahli-ahlinya akan dapat memberitahu alamat-alamat terbaru mereka bagi kemudahan pihak Jawatankuasa menghubungi mereka melalui alamat:

Peti Surat 2290,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu ahli-ahli yang ingin membeli saham Tanah dan Perumahan; dan Saham Perkhidmatan Bas Sekolah boleh menghubungi nama-nama berikut:

Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd Wahab (Pengerusi Cawangan Tanah dan Perumahan), Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Telefon; 25527; 25528; 25529 Sambungan 32.

Awang Haji Abu Bakar bin Haji Momin (Setiausaha Cawangan Tanah dan Perumahan), Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Awang Momin bin Ahmad (Pengerusi Cawangan Perkhidmatan Bas Sekolah), Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Brunei. Telefon: 26634.

Pengiran Shahbudin bin Pengiran Ahmad (Setiausaha Cawangan Perkhidmatan Bas Sekolah), Jabatan Radio dan Televisyen, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pengiran Abd Rahman bin Pengiran Haji Omar (Penolong Setiausaha Perkhidmatan Bas Sekolah), Telefon: 28585 Sambungan 151.

Manakala bagi orang ramai yang belum menjadi ahli syarikat mereka hendaklah mengisi borang terlebih dahulu yang boleh didapati dari:

Setiausaha Syarikat Kerjasama Pegawai-Pegawai Rendah Kerajaan Brunei dengan Tanggungan Berhad, Peti Surat 2290, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

## Bakal P'jaya Australia tiba

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bakal Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Awang James Starey tiba untuk memulakan tugasnya di negara ini.

Tuan Yang Terutama Awang James Starey yang disertai oleh isteri dan dua orang anaknya tiba di sini pada hari Ahad lalu.

# JABATAN PELAJARAN KEMASKAN KURIKULUM

Oleh: Zubaidah HS

DALAM usaha Jabatan Pelajaran memperbaiki mutu pendidikan di negara ini, Kurikulum Sekolah Menengah telah diperkemaskan dan diselaraskan mengikut tujuan dan matlamat Dasar Pelajaran dan keperluan negara Brunei Darussalam kurikulum tersebut mula dilaksanakan pada 1 Januari 1984.

Kurikulum itu meliputi Kurikulum bagi Peringkat Sekolah Menengah Bawah (dari Tingkatan I hingga III) dan Kurikulum Peringkat Sekolah Menengah Atas (bagi Tingkatan IV hingga V).

Kurikulum Sekolah Menengah Bawah ini, menurut Ketua Unit Kurikulum dan Buku-Buku Pg. Mariam bte Pg. Haji Matarsad, adalah dihasratkan bagi mempastikan setiap penuntut kedua-dua aliran Inggeris dan Melayu menerima tahap dan bentuk pendidikan yang sama.

Kurikulum di peringkat ini tambahnya, adalah bercorak pendidikan umum dan lanjutan daripada Kurikulum Sekolah Rendah yang mana isi kandungan sukatan-sukatan pelajaran di kedua-dua peringkat persekolahan ini adalah menitik beratkan unsur-unsur tempatan dan identiti keBruneian.

Di peringkat Menengah Bawah ini, matapelajaran-matapelajaran dikategorikan kepada 7 matapelajaran yang wajib diperiksakan dan diambil oleh penuntut-penuntut. Matapelajaran-matapelajaran tersebut ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Sains Panduan, Sejarah, Ilmu Alam, Pengetahuan Ugama Islam atau Sivik dan Pendidikan Akhlak.

Selain dari matapelajaran-matapelajaran tersebut penuntut-penuntut juga diberi peluang untuk memilih satu matapelajaran tambahan yang diperiksakan. Matapelajaran itu ialah Sains Pertanian, Sains Rumahtangga, Pelajaran Perdagangan, Bahasa Ketiga, Pertukangan Logam, Pertukangan Kayu, Lukisan dan Kerjatangan dan Muzik.

Di dalam Kurikulum Menengah Bawah ini juga pelajaran Pendidikan Jasmani adalah merupakan matapelajaran yang wajib diambil tetapi tidak diperiksakan.

Matapelajaran-matapelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains Panduan adalah matapelajaran yang sangat penting dititikberatkan dengan peruntukan waktu yang melebihi dari matapelajaran-matapelajaran yang lain.

Di peringkat Menengah Atas pula, pengaliran penuntut-penuntut kepada 3 jurusan iaitu SAINS, SASTERA, dan TEKNIKAL adalah dimulakan dari Tingkatan IV. Pengaliran ini adalah dihasratkan untuk meluaskan bidang pendidikan bagi memenuhi minat dan kebolehan penuntut serta keperluan negara. Dalam ketiga-ketiga jurusan ini semua penuntut juga akan mempelajari Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Semua sukatan-sukatan Pelajaran yang diperbaharui bagi Kurikulum Sekolah-sekolah Menengah Bawah kecuali Sukatan Pelajaran Ugama Islam, telah diterbitkan oleh Unit Kurikulum dan Buku-buku Jabatan Pelajaran dan diedarkan kepada semua Sekolah-sekolah Menengah seluruh negara termasuk sekolah-sekolah missi dan persendirian pada awal tahun ini. Sukatan-sukatan pelajaran ini akan digunakan secara berperingkat-peringkat mulai dari tahun 1984 bagi Tingkatan I.

Sukatan-sukatan pelajaran bagi Kurikulum Sekolah Menengah Atas adalah masih berdasarkan kepada sukatan-sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh Badan Peperiksaan Singapura Cambridge bagi aliran Melayu atau Brunei Cambridge bagi aliran Inggeris.

Menurut Pengiran mariam, sebelum perlaksanaan kurikulum, Jabatan Pelajaran melalui Unit Kurikulum dan Buku-Buku telah juga membuat beberapa lawatan ke Sekolah-sekolah Menengah seluruh negara untuk mengetahui secara dekat pendapat guru-guru mengenai matapelajaran-matapelajaran yang mereka ajar dan mengenai dengan kurikulum tersebut.

Kajian-kajian beberapa matapelajaran telah juga diadakan bagi mendapatkan maklumat mengenai masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran di Sekolah-sekolah Menengah.

Hasil-hasil yang diperolehi dari lawatan-lawatan dan kajian-kajian tersebut telah dikumpulkan dan dijadikan bahan dalam menyusun semula dan memperkemaskinikan sukatan-sukatan pelajaran yang telah digunakan sebelumnya, jelas Ketua Unit Kurikulum dan Buku-Buku.

Draf-draf sukatan-sukatan pelajaran itu, tambahnya, telah disemak dan diperbaiki oleh ahli-ahli Jawatankuasa matapelajaran dan buku-buku bagi tiap-tiap matapelajaran. Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai Unit Kurikulum dan Buku-Buku, Pejabat Kenaziran, Lembaga Peperiksaan, Maktab Perguruan dan guru-guru sekolah-sekolah.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini juga memilih dan seterusnya mencadangkan buku-buku teks yang sesuai digunakan bagi peringkat-peringkat yang tertentu. Apabila sukatan-sukatan pelajaran itu telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kurikulum dan Buku-Buku untuk dicubakan di Sekolah-sekolah Menengah Bawah baharulah urusan-urusan percetakannya dapat dibuat dan seterusnya diedarkan kesemua sekolah-sekolah seluruh negara.

## Ahli-Ahli Parlimen Thailand adakan lawatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan Ahli-Ahli Parlimen Thailand akan mengadakan lawatan ke sini selama lima hari sebagai tetamu kepada Yang Amat Mulia Pengiran Speakar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Brunei.

Rombongan yang diketuai oleh Y.B. M.L. Pramoj itu di jangka tiba pada hari Jumaat 10 Februari.

Semasa berada di sini rombongan Ahli-Ahli Yang Berhormat Thailand itu dijangka mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Rombongan tersebut juga akan mengadakan kunjungan kehormat kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman, Menteri Pembangunan dan seterusnya perjumpaan dengan Pengarah-Pengarah di Kementerian-Kementerian yang berkenaan.

Di samping itu, rombongan pelawat itu juga akan dibawa meninjau perusahaan minyak dan gas di Seria dan melawat ke beberapa tempat yang menarik.

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI.